

**KAJIAN KE ATAS PENGANUT KRISTIAN BERALIRAN
BAHASA CINA DI PULAU PINANG:
FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERASAAN
DAN PANDANGAN PENGANUT KE ATAS CARA PEMUJAAN
KOLEKTIF GEREJA MEREKA MENGIKUT ASPEK SOSIAL.**

TAN WAN PENG

NO. MATRIK: 059834

**Projek Penyelidikan
Bagi Memenuhi Sebahagian
daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur**

Sesi 1993/94

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini boleh selesai dilaksanakan adalah hasil daripada bantuan berbagai pihak. Pertama sekali, penghargaan yang mulia diberi kepada penasihat pertama, Prof. Madya Dr. Raymond Lee dan penasihat kedua, Cik Malini Ratnasingam yang telah banyak meluangkan masa dan memberi nasihat yang bernilai. Tambahan pula, dengan segala hormatnya, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Pastor Lim Sneah Theng dari gereja Gospel Hall dan Mrs. Esther Chang dari gereja Baptist yang banyak memberi data-data yang diperlukan dan telah banyak menjelaskan segala yang tidak difahami. Penghargaan juga diberi kepada Cik Liew Ger Wei, Encik Lok Wai Beng, Encik Keng Kok Chong dan Encik Lee Theng Kee yang telah dengan murah hati menghulurkan bantuan mereka dalam memberi maklumat dan mengedarkan soal selidik. Akhir sekali, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada mereka yang telah membantu tetapi tidak dapat saya mencatatkan namanya di sini satu per satu. Segala rintangan telah dapat diselesaikan atas pertolongan dan kerjasama semua pihak ini. Dengan itu, sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua.

SINOPSIS

Kertas kerja ini meninjau dari sudut sosial, faktor-faktor yang mempengaruhi perasaan dan pandangan penganut Kristian yang beraliran bahasa Cina terhadap cara pemujaan gereja mereka di Pulau Pinang. Tinjauan ditumpukan kepada 4 angkubah yang penting iaitu penganut, gereja, cara pemujaan dan alam sosial. Penganut-penganut dan cara pemujaan dari 3 gereja yang datang dari denominasi yang berlainan telah dikaji untuk membuat perbandingan dalam gereja itu sendiri dan di antara gereja-gereja itu.

Untuk membentangkan tinjauan ini secara sistematik, kandungan telah dibahagikan kepada 5 bab. Bab 1 akan memberi sedikit latar belakang topik yang dikaji. Bab 2 pula akan membincangkan latar belakang gereja yang melihat dari 3 segi iaitu sejarah perkembangan setiap gereja, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan struktur organisasi gereja masing-masing. Ini adalah penting untuk memahami pembentukan cara pemujaan yang berbeza. Bab 3 meneliti cara pemujaan mereka yang mempunyai sifat keunikan masing-masing. Bab 4 pula menganalisi keputusan soal selidik yang akan membantu kita memahami dengan lebih jelas, persamaan dan perbezaan perasaan serta pandangan penganut terhadap cara pemujaan gereja mereka. Hubungan antara berbagai angkubah juga dikaji. Akhir sekali dalam bab 5, tinjauan akan dibuat dalam konteks yang lebih luas. Pengaruh struktur organisasi gereja, keadaan sosial yang berubah, perubahan nilai sosial serta gerakan

Pentecostal ke atas penganut-penganut akan **dibincang** dalam bab ini.

Kelima-lima bab ini amat berkait rapat di antara satu sama lain supaya dapat membentangkan suatu kajian yang ringkas tetapi menyeluruh.

KANDUNGAN

MUKASURAT

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Skop Kajian	2
1.3 Tujuan Kajian	9
1.4 Sampel	9
1.5 Kaedah Penyelidikan	10
1.6 Masalah dan Had Kajian	11
1.7 Rumusan	14
BAB 2 LATAR BELAKANG GEREJA	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Gereja Butterworth Gospel Hall	15
2.2.1 Sejarah Perkembangan	15
2.2.2 Aktiviti-aktiviti	17
2.2.3 Struktur Organisasi	19
2.3 Gereja Methodist Ayer Itam	21
2.3.1 Sejarah Perkembangan	21
2.3.2 Aktiviti-aktiviti	22
2.3.3 Struktur Organisasi	25
2.4 Gereja Baptist Lip Sin Garden	26
2.4.1 Sejarah Perkembangan	26
2.4.2 Aktiviti-aktiviti	27
2.4.3 Struktur Organisasi	28
2.5 Rumusan	29

BAB 3 CARA PEMUJAAN	3 0
3.1 Pengenalan	3 0
3.2 Definisi Pemujaan	3 0
3.3 Fungsi Pemujaan Kolektif	3 1
3.4 Kepentingan Pemujaan	3 1
3.5 Elemen-elemen Pemujaan Kolektif	3 1
3.6 Tempat Pemujaan	3 4
3.7 Cara Pemujaan	3 4
3.7.1 Gereja Butterworth Gospel Hall	3 4
3.7.2 Gereja Methodist Ayer Itam	3 6
3.7.3 Gereja Baptist Lip Sin Garden	3 8
3.8 Perbandingan	4 0
BAB 4 ANALISI KEPUTUSAN SOAL SELIDIK	4 3
4.1 Pengenalan	4 3
4.2 Kekerapan Jantina dan Gereja	4 4
4.3 Analisi Tahap Pertama	4 5
4.3.1 Membandingkan Perasaan Penganut Semasa Memuja	4 5
4.3.2 Membandingkan Pandangan Penganut terhadap Pemujaan dan Cara Pemujaan	4 6
4.3.3 Kecenderungan Penganut Memuja di Gereja Lain	5 0
4.3.4 Perbandingan Status Komunikasi Penganut dengan Penganut yang Lain Selepas Memuja	5 2
4.3.5 Perbandingan Status Hubungan Penganut dengan Tuhan	5 3

4.4 Rumusan	5 4
4.5 Analisi Tahap Kedua	5 4
4.5.1 Hubungan antara Angkubah	5 4
4.5.2 Hubungan Perasaan Penganut Semasa Memuja dengan Cara Pemujaan yang Berlainan	6 1
4.6 Kesimpulan	6 2

BAB 5 PENINJAUAN DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS	6 4
5.1 Pengenalan	6 4
5.2 Faktor Pengaruh dalam Konteks yang Lebih Luas	6 4
5.2.1 Struktur Organisasi Gereja	6 4
5.2.2 Keadaan Sosial yang Berubah	6 7
5.2.3 Perubahan Nilai Masyarakat	6 9
5.2.4 Pengaruh Sampingan-Gerakan Pentecostal	7 2
5.3 Rumusan	7 3
5.4 Kesimpulan Keseluruhan	7 4
BIBLIOGRAFI	7 9

LAMPIRAN: Lampiran 1- Soal selidik

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Kekerapan Jantian Mengikut Gereja	4 5
Jadual 2: Bilangan Penganut dari Segi Memilih Masalah-masalah Cara Pemujaan Mengikut Gereja	4 8
Jadual 3: Perbandingan antara 3 Gereja Bilangan Penganut yang Pergi ke Gereja Lain Mengikut Sebab-sebab	5 1
Jadual 4: Perbandingan antara 3 Gereja Bilangan Penganut Mengikut Status Komunikasi Penganut dengan Penganut yang lain selepas Memuja	5 2

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1: Tempat Pemujaan	3 4
-------------------------------	-----

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Agama Kristian boleh dikatakan sebagai salah satu agama dunia yang terbesar yang mempunyai penganut seramai lebih kurang 1,000,000,000 di seluruh dunia.¹ Secara geografi, ia adalah salah satu agama yang paling luas disebarluaskan.² Di Malaysia, mengikut data pada tahun 1985, penganut Kristian adalah lebih kurang 5.1% daripada populasi menyeluruh dan kebanyakannya daripada mereka adalah penganut Katholik ataupun Protestant.³ Dengan erti kata lain, penganut Kristian merupakan satu kuasa pengaruh yang menakjub ke atas masyarakat dunia. Walau bagaimanapun, mereka masih merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat keseluruhan. Mereka masih hidup dalam masyarakat, berinteraksi dengan anggota masyarakat yang lain yang bukan penganut Kristian dan lebih-lebih lagi, mereka perlu mengadakan hubungan yang saling bergantungan dengan kumpulan masyarakat dan institusi sosial yang lain seperti institusi pendidikan, kerajaan, ekonomi dan keluarga. Tambahan pula, gereja juga banyak berubah mengikut pengedaran masa. Dengan berbagai denominasi yang terwujud pada hari ini, telah melahirkan beberapa kumpulan penganut-penganut yang agak berbeza sifatnya jika dibanding di antara mereka.

Oleh yang demikian, kertas kerja ini telah dibina khas untuk mengkaji dan membandingkan perbezaan dan persamaan cara pemujaan kolektif tiga gereja Protestant yang beraliran bahasa Cina

(Hokkien atau Mandarin) di Pulau Pinang. Seterusnya dari perbandingan ini meneliti perbezaan pandangan dan perasaan penganut muda ke atas cara pemujaan yang dipraktikkan oleh gereja mereka. Diharap melalui perbandingan ini, kita dapat mengesan ciri-ciri perkembangan gereja dalam dunia moden dan pengaruh ciri-ciri dunia moden ke atas penganut.

1.2 Skop Kajian

Kertas kerja ini secara general fokus kepada empat pembolehubah yang penting iaitu gereja, cara pemujaan, penganut dan alam sosial yang berada di luar gereja. Angkubah-angkubah ini adalah saling berkait dan saling mempengaruhi satu sama lain. Untuk mengelakkan makna keempat-empat angkubah ini dari menjadi kabur, adalah amat perlu di sini untuk mengkonseptualisasikan mereka.

A. Gereja

Gereja dalam kajian ini dilihat sebagai salah satu institusi yang akan berinteraksi dengan institusi yang lain seperti institusi pendidikan, ekonomi, keluarga dan politik. Oleh itu, sebagai satu institusi sosial, ia mempunyai empat sifat yang penting.⁴

(i) Ia merupakan satu *spiritual fellowship* atau *communion of saints* yang dijagai oleh *Holy Spirit*.⁵ Walaupun sifat ini adalah di luar kawasan pemerhatian sosiologi, tetapi ia amatlah penting bagi penganut-penganut Kristian kerana inilah interpretasi mereka kepada gereja.

- (ii) Satu komuniti atau organisasi manusia yang memegang kepercayaan Kristian yang diikat bersama untuk tujuan agama mereka.
- (iii) Satu organisasi yang mempunyai banyak kumpulan (*congregation*) yang masing-masing memegang kepercayaan dan *practice* yang tertentu. Ini sama dengan konsep denominasi. Contohnya, gereja Methodist dan Baptist adalah kumpulan yang berlainan.
- (iv) Sebagai satu institusi universal yang abstrak yang mempunyai satu struktur organisasi, satu sistem kepercayaan, nilai, upacara, simbol, peraturan yang dibina untuk mencapai tujuan tertentu dan satu corak perhubungan sosial antara ketua-ketua dan ahli-ahlinya yang kompleks iaitu termasuk hubungan yang formal dan tidak formal. Ini bermakna ia tidak merujuk kepada satu denominasi yang spesifik tetapi melibatkan semua gereja secara general.

Dengan erti kata lain, gereja yang di bawah kajian adalah gereja yang mempunyai identiti yang tersendiri, tetapi juga merupakan sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Tambahan pula, ia juga mempunyai ciri-ciri sebuah institusi yang general. Contohnya, gereja Methodist Ayer Itam adalah sebuah gereja yang dianggap oleh pengikut-penganutnya sebagai satu *spiritual fellowship* dan ia juga adalah satu gereja tempatan yang mempunyai ciri-ciri dan sejarahnya yang tersendiri. Lebih-lebih lagi, ia juga merupakan satu gereja di bawah denominasi Methodist yang memegang pendirian yang tertentu. Akhir sekali, ia juga mempunyai semua ciri-ciri institusi sosial yang dimiliki oleh institusi

yang lain. Dengan lain perkataan, sebagai satu institusi, gereja adalah dilihat sebagai salah satu faktor yang akan mempengaruhi pandangan dan perasaan penganut ke atas kepercayaan mereka. Walaupun gereja yang dikaji adalah semuanya gereja Protestant yang memegang kepercayaan dan pendirian yang agak sama, tetapi gereja yang berlainan akan mempunyai penekanan yang berlainan ke atas nilai yang berlainan terutama dari segi bagaimana sesuatu pemujaan kolektif patut dipraktikkan. Dengan itu, gereja mungkin akan mempunyai perbezaan dari segi nilai-nilai pemujaan seperti :-

- (i) Adakah cara pemujaan boleh diubah.
- (ii) Bagaimana seseorang penganut patut memuja iaitu menekan aspek *spiritual* atau emosi.
- (iii) Makna memuja iaitu adakah ia merupakan satu-satu cara untuk membina satu hubungan yang lebih rapat dengan Tuhan.
- (iv) Bagaimana seseorang penganut patut menilai suatu cara pemujaan.

Pendek kata, gereja bermakna gereja yang hidup dalam masyarakat di mana pembentukan dan perkembangannya dipengaruhi oleh keadaan sekeliling; gereja yang merupakan organisasi manusia yang saling berinteraksi dan saling mempengaruhi dan gereja yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas penganutnya kerana inilah satu-satu cara penganut dapat mempelajari kepercayaan dan tingkah-laku yang bersesuaian. Ini tidak bermakna kajian di sini menafikan gereja sebagai suatu pertubuhan di bawah arahan Tuhan yang sentiasa dijagai olehnya, tetapi oleh kerana aspek *spiritual* ini adalah di luar kawasan analisi

sosiologi, dengan itu, anggapan ini adalah secara tidak langsung terlibat dalam kajian sahaja.

B. Cara Pemujaan

Di sini, pemujaan hanya dihadkan kepada pemujaan kolektif yang dilaksanakan pada tiap-tiap hari Ahad. Oleh itu, cara pemujaan merujuk kepada segala prosedur dan aktiviti yang diikuti semasa memuja (*sermon, holy communion* dan lain-lain), segala simbol dan objek yang digunakan (kitab, buku *hymns*, arak, roti dan lain-lain) serta tingkah-laku yang terlibat semasa memuja. Pemujaan dilihat bukan sahaja sebagai pelafazan penghormatan dan percintaan penganut terhadap Tuhan mereka secara luaran dan dalaman, tetapi juga sebagai suatu aktiviti yang melibatkan hubungan manusia dengan manusia yang lain. Ia adalah suatu yang mesti bagi semua gereja kerana ia merupakan tumpuan agama berorganisasi yang asas.

C. Penganut-penganut

Adalah jelas sekali, penganut di sini merujuk kepada penganut yang memegang kepercayaan Kristian yang beraliran Protestanisme. Tambahan pula mereka yang di bawah kajian adalah semua berbangsa Cina dan juga dari gereja beraliran bahasa Cina. Dengan itu, mereka membentuk satu komuniti yang unik yang berbeza dari penganut lain yang bukan berbangsa Cina dan juga berbeza dari penganut Cina yang menghadiri gereja beraliran bahasa Inggeris. Penganut-penganut boleh diteliti dari dua segi iaitu dari segi sebagai seorang individu yang tersendiri dan dari segi sebagai individu yang berinteraksi dengan individu yang lain samada dengan penganut

yang seagama atau yang tidak. Dalam kajian di sini, kedua-dua aspek juga dipentingkan iaitu kedua-dua faktor psikologi dan sosial mempunyai pengaruh ke atasnya.

(i) Segi sebagai seorang individu yang unik

Ini bermakna penganut itu dianggap sebagai berbeza dari individu yang lain dari segi latar belakang keluarganya, pendidikannya, nilai-nilai yang diserapnya sejak kecil yang membentuk personalitinya dan pengalaman yang dialaminya. Dia juga adalah unik kerana dia adalah yang membentuk hubungan yang istimewa dengan Tuhan dan hubungan ini adalah personal dan peribadi di mana individu lain tidak dapat faham dengan sepenuhnya hubungan itu walaupun mereka adalah seagama. Dia juga orang yang menentukan samada nilai agama itu boleh diterima atau diprasangkakan. Dengan erti kata lain, kadar penerimaan nilai-nilai agama yang dimanifestasikan oleh gereja mereka adalah berbeza mengikut individu-individu yang berlainan.

(ii) Segi sebagai individu yang mengadakan interaksi sosial

Dari segi ini, kita melihat penganut sebagai bukan sahaja seorang daripada anggota masyarakat keseluruhan tetapi juga sebagai anggota komuniti yang lebih kecil. Ini bermakna penganut itu memegang pelbagai peranan yang berlainan iaitu sebagai seorang penganut dalam sesebuah gereja, sebagai seorang pelajar di sekolah tertentu, sebagai seorang anak kepada ibubapanya atau sebagai seorang pekerja pada syarikat tertentu dan sebagainya. Berbagai peranan yang dipegang olehnya akan saling mempengaruhi antara satu sama lain dan akan menentukan sifat hubungannya dengan individu yang lain yang juga memegang pelbagai peranan.

Misalannya peranannya sebagai seorang anak yang taat kepada ibubapa mungkin akan mempengaruhi peranannya sebagai seorang penganut yang setia.

Tambahan pula, penganut juga dilihat sebagai seorang individu yang berinteraksi dengan institusi-institusi sosial. Ini bermakna, sebagai seorang penganut, dia patut menerima segala nilai dan peraturan yang dimanifestasikan oleh gereja mereka. Dari pihak gereja pula, ia akan cuba melalui cara-cara tertentu untuk memperkuatkannya nilai itu dan cuba memandu tingkah-laku penganut itu supaya mengikut set nilai yang dianggap betul. Dengan secara tidak langsung, gereja telah membantu penganut membentuk identitinya dalam institusi itu dan menyatukan penganut-penganut ke dalam satu kumpulan agama yang sama. Keadaan yang sama berlaku semasa penganut berinteraksi dengan institusi yang lain di mana penganut akan sentiasa cuba menyesuaikan diri dengan nilai dan peraturan yang dikenakan ke atasnya. Walau bagaimanapun, sebagai seorang individu yang aktif, dia boleh memilih untuk menarik diri dari institusi itu atau terus terlibat dalamnya.

Secara kesimpulan, pengikatan seseorang penganut kepada agamanya hanya boleh difahami dengan sepenuhnya apabila kita mengambil-kira sistem normatif yang menjadi sebahagian yang penting dalam kehidupan mereka iaitu termasuk kepercayaan yang tidak dapat diuji dengan cara saintifik. Tambahan pula, kita juga tidak patut mengabaikan sifat istimewa individu sebagai seorang yang berinteraksi secara aktif dan bukan pasif dengan alam sekelilingnya. Ini bermakna penganut tidak patut dilihat sebagai

suatu yang statik tetapi akan berubah **apabila** alam sekitarnya berubah.

D. Alam Sosial

Alam sosial di sini bermakna alam sekeliling bagi gereja dan penganut. Seperti gereja, ia dilihat sebagai satu faktor yang mempengaruhi penganut-penganut walaupun penganut dan gereja juga dapat mempengaruhinya. Oleh yang demikian, dalam kertas kerja ini, alam sosial hanya dihadkan kepada keadaan sekeliling di Pulau Pinang sahaja dan bukan negeri-negeri lain. Penegasan ini adalah penting kerana setiap negeri di Malaysia mempunyai struktur penduduk, keadaan politik dan suasana agama yang berlainan. Dengan erti kata lain, alam sosial bagi penganut dan gereja adalah:-

- (i) Ia adalah sebuah negeri yang menjalankan sistem demokrasi berparlimen.
- (ii) Ia adalah sebuah negeri yang semakin maju yang sedang mengalami proses pengindustrian.
- (iii) Ia adalah sebuah negeri yang mempunyai kebebasan beragama di mana agama Kristian tidak mempunyai sebarang hubung-kait dengan politik tempatan. Ini bermakna aspek agama adalah diasingkan dari aspek kehidupan yang lain seperti pendidikan, ekonomi dan politik (kecuali bagi penganut Islam) iaitu agama Kristian sedang mengalami proses sekularisasi.

1.3 Tujuan Kajian

Matlamat kertas kerja ini adalah untuk:-

- A. Meneliti latar belakang gereja yang akan mempengaruhi bagaimana cara pemujaan kolektif dilaksanakan.
- B. Meneliti cara pemujaan kolektif gereja yang berlainan yang mempengaruhi perasaan dan pandangan penganut terhadap cara pemujaan yang dipraktikkan oleh gereja mereka.
- C. Meneliti reaksi penganut terhadap cara pemujaan gereja mereka.
- D. Dari reaksi itu, cuba memberi penjelasan tentang sebab wujudnya perbezaan reaksi itu.
- E. Seterusnya dari keempat-empat penelitian di atas, membuat penilaian tentang perkembangan gereja dalam dunia moden dan faktor-faktor yang mempengaruhi penganut dalam konteks yang lebih luas.

1.4 Sampel

Tiga gereja dari denominasi Protestant yang berlainan telah dipilih sebagai sampel kerana keunikan cara pemujaan mereka yang berbeza antara satu sama lain. Mereka adalah (1) Gereja Butterworth Gospel Hall, (2) Gereja Methodist Ayer Itam dan (3) Gereja Baptist Lip Sin Garden. Ketiga-tiga gereja itu adalah gereja beraliran bahasa Cina ataupun merupakan *Chinese Assembly* yang berada di bawah gereja itu. Dari tiga gereja itu, 20 orang responden dari setiap gereja telah diminta untuk menjawab soal selidik. Walau bagaimanapun, soal selidik yang benar-benar diselesaikan oleh

responden adalah 12 orang dari gereja Butterworth Gospel Hall, 19 orang dari gereja Methodist dan 9 orang dari gereja Baptist iaitu seramai 40 orang sahaja pada keseluruhannya. Sampel tidak dipilih mengikut kaedah persampelan rawak iaitu soal selidik adalah terbuka kepada mana-mana penganut yang secara sukarela ingin menjawab. Oleh yang demikian, jantina responden juga tidak dipilih untuk mencapai bilangan yang saksama. Walau bagaimanapun, umur responden telah dihadkan kepada mereka yang berumur antara 17-33 tahun iaitu di antara penganut-penganut yang muda sahaja.

1.5 Kaedah Penyelidikan

Oleh kerana kajian di sini melibatkan dua jenis data iaitu data kualitatif dan data kuantitatif, maka tiga kaedah penyelidikan telah digunakan untuk mengumpulkan data-data ini.

A. Kaedah Pemerhatian Ikut Serta

Kaedah ini digunakan untuk mengutip data tentang cara pemujaan kolektif tiga gereja tersebut. Butir-butir tentang cara pemujaan itu direkodkan selepas pemerhatian ke atas seluruh prosedur upacara pemujaan dilakukan. Pemerhatian ini bukan bersifat pasif kerana pengkaji juga menyertai pemujaan itu dan dianggap sebagai salah seorang bukan penganut yang cuba memahami agama mereka iaitu bukan sebagai seorang penyelidik.

B. Temubual

Temubual ini adalah temubual yang kurang berstruktur dan dilakukan ke atas paderi dan penganut-penganut. Kaedah ini digunakan untuk mendapat data tentang makna mengenai sesuatu nilai agama, makna tentang suatu tingkah-laku agama dan lain data yang bersifat kualitatif.

C. Soal selidik

Data dikutip dari soal selidik supaya memperolehi data statistik tentang sikap, perasaan dan pandangan penganut terhadap cara pemujaan gereja mereka. Statistik mengenai kecenderungan penganut untuk pergi ke gereja berdenominasi yang lain, corak perhubungan penganut dengan penganut yang lain serta status hubungannya dengan Tuhan juga dikumpulkan. Selepas itu, perbandingan antara jawapan dari tiga gereja yang berlainan dilakukan untuk mengesan persamaan dan perbezaan dalam gereja itu sendiri dan antara gereja-gereja yang berlainan. Analisi juga dilakukan ke atas berbagai angkubah supaya dapat mencari satu hubungan dan corak yang general antara mereka. Untuk mempermudahkan analisi statistik ini, program komputer: Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) telah digunakan.

1.6 Masalah dan Had Kajian

Kertas kerja ini bukanlah suatu kajian yang sempurna tetapi mempunyai masalah dan hadnya. Keputusan kajian masih tidak

boleh dikatakan sebagai *reliable* kerana masih menghadapi masalah-masalah berikut:-

A. Masalah dalam mengutip data kualitatif

- (i) Pemerhatian yang tidak sempurna- Walaupun 'pemerhatian' bermakna memerhati semua perkara dalam suatu situasi, tetapi ini tidak mungkin dilakukan. Oleh kerana data hanya direkodkan selepas pemerhatian, maka mungkin ada material yang telah diabaikan atau ada material yang telah salah direkodkan. Walau bagaimanapun, pemeriksaan telah dilakukan dengan menanya penganut yang juga terlibat dalam situasi itu atau menyertai situasi yang akan diulangi prosedurnya yang sama, sekali lagi.
- (ii) Pemerhatian ikut serta yang mungkin mengangggu proses semulajadi peristiwa- Masalah ini tidak ketara kerana identiti pengkaji sebagai seorang penyelidik tidak menonjol. Darjat masalah ini dapat dikurangkan dengan menyertai mereka tanpa merekod semasa pemerhatian.
- (iii) Menginterpretasi secara subjektif tentang simbol dan situasi yang diperhatikan- Sebagai orang luar yang berbeza dari mereka, pengkaji mungkin mempunyai pendapat dan pendirian sendiri yang akan mengangggu proses interpretasi yang objektif. Walau bagaimanapun, masalah ini boleh dielakkan dengan sentiasa mendapat pandangan penganut mengenai makna situasi itu dan membanding interpretasi ini dengan keputusan statistik yang diperolehi.

B. Masalah dalam pengumpulan data kuantitatif

- (i) Masalah kerjasama responden- Semasa soal selidik diedarkan, pengkaji menghadapi masalah kerjasama responden di mana gereja Butterworth Gospel Hall hanya mendapat 12 pemulangan dari 20 yang diedarkan dan bagi gereja Baptist hanya 9 pemulangan dari 20 yang diedarkan. Ini berlaku atas kemungkinan saiz gereja yang sederhana dan kecil masing-masing. Walau bagaimanapun, pemulangan boleh dipertingkatkan jika usaha yang lebih dikenakan. Saiz responden yang agak kecil ini mungkin akan menjelaskan keputusan kajian iaitu mungkin ia tidak dapat memaparkan keadaan menyeluruh yang sebenar.
- (ii) Masalah generalibiliti dan reliabiliti keputusan- Untuk memastikan generalibiliti dan reliabiliti, kaedah persampelan rawak mesti digunakan iaitu setiap penganut mesti mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Oleh kerana dalam kertas kerja ini, persampelan rawak tidak digunakan, keputusan kajian tidak mempunyai tingkat reliabiliti yang tinggi. Keputusan juga tidak boleh digeneralisasikan secara meluas.

C. Masalah semasa analisi

Hubungan antara angkubah- Walaupun terdapat korelasi yang tinggi antara angkubah-angkubah tertentu, tetapi masih tidak boleh dibuktikan secara 100% bahawa hubungan itu adalah hubungan sebab-akibat atau hubungan korelasi sahaja. Sifat hubungan itu adalah susah ditentukan kerana ia melibatkan banyak angkubah yang berlainan. Oleh yang demikian, hubungan sebab-akibat antara dua angkubah mungkin adalah secara kebetulan sahaja. Sesuatu

fenomena mungkin diakibatkan oleh faktor-faktor yang lain yang gagal diperhatikan. Dengan itu, kelemahan ini telah menyebabkan keputusan menjadi kurang *reliable*.

1.7 Rumusan

Secara kesimpulan, bab ini hanya memaparkan ringkasan kajian yang telah dilakukan dan masalah yang dihadapi serta had-had kertas kerja ini. Bab-bab yang seterusnya akan memaparkan gambaran yang lebih menyeluruh dan jelas mengenai kertas kerja ini. Bab 2 akan menghuraikan latar belakang tiga gereja itu yang membentuk ciri-ciri keunikan mereka. Bab 3 pula menjelaskan cara pemujaan tiga gereja itu dan perbandingan dibuat di antara mereka. Bab 4 akan memaparkan keputusan soal selidik dan disertai dengan keputusan analisi. Dalam bab 5 pula, usaha akan dilaksanakan untuk mengaitkan ketiga-tiga bab itu untuk memberi satu gambaran yang menyeluruh dan bermakna dalam konteks dunia moden yang lebih luas.

BAB 2 LATAR BELAKANG GEREJA

2.1 Pengenalan

Untuk memahami hubungan institusi gereja dengan dunia, kita perlu meneliti gereja-gereja dari segi sejarah perkembangan, aktiviti yang dijalankan dan struktur organisasi yang membentuknya. Ini adalah penting supaya dapat menunjukkan ciri-ciri gereja-gereja yang mempunyai keunikan mereka masing-masing. Keunikan ini telah membentuk beberapa kumpulan penganut yang juga agak berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, adalah mustahak di sini untuk memaparkan sedikit sebanyak tentang latar belakang tiga gereja yang berada di bawah kajian. Dengan mengetahui latar belakang mereka, kerja perbandingan di antara mereka akan dapat dijalankan dengan lebih mudah.

2.2 Gereja Butterworth Gospel Hall

2.2.1 Sejarah Perkembangan⁶

Gospel Hall atau lebih dikenali sebagai gereja Brethren bermula pada abad ke 19 di Eropah. Peneroka-peneroka yang terkenal adalah Anthony Norris Groves, J.B.Billet, Edward Cronin dan lain-lain. Mereka memegang pendirian supaya balik ke pengajaran kitab dan membentuk suatu cara pemujaan yang sama seperti yang dilaksanakan oleh gereja pada abad pertama. Mereka juga menolak struktur organisasi yang bersifat hirarki yang memandang tinggi kedudukan paderi. Oleh itu, mereka melaksanakan upacara *Lord's*

*Supper*⁷ pada setiap hari Ahad (*Lord's Day*) dan menggalakkan penglibatan aktif semua penganut-penganut lelaki dalam upacara *Lord's Supper*. Pergerakan Brethren di Eropah bermula pada tahun 1825 dan menyebar ke Pulau Pinang pada tahun 1855 dengan kedatangan Mr. Bausum dari Swiss. Tempat perjumpaan yang pertama adalah di 35, Farquhar St.. Tempat perjumpaan ini telah dipindah ke gereja yang dibina baru (yang masih wujud hingga hari ini) di 164, Burmah Road pada 25.5.1938.

Usaha untuk membina gereja di Butterworth dimulakan oleh Mr. dan Mrs. Blick dengan bantuan Mr. Chang Hon Liong. Pada tahun 1950an, *sunday school*⁸ telah dimulakan di rumah Mr. dan Mrs. Ang Tiang Choon di Kampung Musang sebagai langkah pertama. Pada tahun 1952, upacara *Lord's Supper* telah dimulakan pada tiap-tiap hari Ahad di rumah Mr. Ang. Tidak lama kemudian, tempat perjumpaan ini telah dipindah ke Sekolah Cina Chung Hwa. Upacara *Lord's Supper* yang lebih formal dijalankan apabila tempat pertemuan mereka dipindah ke 4, Jalan Club. Walau bagaimanapun, satu tabung telah dibina supaya sebuah gereja yang rasmi boleh didirikan. Akhirnya pada bulan Ogos 1959, bangunan itu telah selesai dibina dan perhimpunan dilakukan di sana dengan menggabungkan kedua-dua perhimpunan aliran bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Pada 30.10.1976, *mission house* juga habis didirikan di mana aktiviti rekreasi boleh dijalankan di sana. Pada 1.1.1983, *oversight*⁹ dibentuk dan ia menjadi sebuah gereja yang terasing dari Burmah Road Gospel Hall.

2.2.2 Aktiviti-aktiviti

Oleh kerana gereja ini menggabungkan kedua-dua kumpulan pengikut dari aliran bahasa Inggeris dan bahasa Cina, aktiviti-aktiviti juga terbahagi kepada 2 aliran iaitu aktiviti yang sama akan diadakan sebanyak dua kali untuk keperluan masing-masing. Aktiviti bagi *Chinese Speaking Assembly* dikendalikan dalam bahasa Mandarin dan bahasa Hokkien.

A. Pemujaan pada hari Ahad (Sunday Worship)

Pada hari Ahad di mana merupakan *Lord's Day*, semua pengikut akan berhimpun untuk memuja dan mengadakan *Lord's Supper*. *Chinese Speaking Assembly* akan berhimpun selepas *English Speaking Assembly* selesai memuja.

B. Sekolah hari Ahad (Sunday School)

Sunday school yang diadakan pada tiap-tiap hari Ahad terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama adalah untuk kanak-kanak yang berada di bawah umur 16 tahun. Semasa *sunday school* mereka akan menyanyi *hymns*, mencerita tentang cerita dari Kitab Injil, melukis dan menjalankan aktiviti luar seperti bermain bola. Pengajaran moral dan nilai kepercayaan juga dilaksanakan untuk menanam nilai-nilai tersebut di sanubari mereka.

Kategori kedua adalah *sunday school* untuk orang dewasa. Semasa sesi ini, pengikut yang berumur lebih 16 tahun akan bersama-sama mengkaji dan membincang petikan-petikan dari Kitab Injil (*Bible Study*). Malahan pula, ada sebahagian pengikut yang akan menghadiri latihan untuk mempelajari teknik penyebaran *gospel* yang lebih berkesan.

C. Jonathan's Fellowship

Fellowship ini yang diadakan pada tiap-tiap minggu adalah terbuka kepada semua penganut. Tujuan *fellowship* adalah untuk menyediakan satu ruang bagi penganut-penganut mempelajari dan memperkuatkan nilai agama mereka. *Fellowship* ini juga memberi peluang kepada penganut-penganut untuk membina suatu jalinan hubungan yang lebih baik di antara mereka.

D. Students' Fellowship

Fellowship ini adalah khas untuk pelajar-pelajar. Fungsinya adalah sama seperti *Jonathan's Fellowship*.

E. Sisters' Fellowship

Fellowship ini juga mempunyai fungsi yang sama seperti *Jonathan's Fellowship* tetapi ahlinya hanya dihadkan kepada penganut wanita sahaja.

F. Prayers' Meeting

Perhimpunan ini diadakan pada tiap-tiap minggu untuk membolehkan penganut-penganut mendoa bersama-sama. Mereka akan mendoa untuk penganut-penganut yang mengalami kesusahan, yang sakit dan untuk perkara-perkara penting seperti untuk kemp penyebaran *gospel* dan lain-lain.

G. Lain-lain

Upacara dan perhimpunan yang khas juga diadakan pada hari yang istimewa seperti Hari Easter, Hari Krismas, Hari Tahun Baru Cina, Hari Ibu, Hari Bapa dan lain-lain.

2.2.3 Struktur Organisasi

Walaupun gereja ini menggabungkan *English Speaking Assembly* dan *Chinese Speaking Assembly* tetapi *Chinese Speaking Assembly* mempunyai organisasi pengurusan yang tersendiri. Oleh kerana kajian hanya ditumpukan kepada *Chinese Speaking Assembly*, maka di sini hanya struktur organisasi perhimpunan ini akan dibincangkan. Pada amnya, penganut-penganut dari *Chinese Speaking Assembly* boleh dibahagikan kepada 4 kategori¹⁰.

A. Oversight

Ini adalah sekumpulan penganut yang dianggap sebagai *elders* dalam gereja iaitu penganut yang matang dan berkerohanian. Tugas mereka adalah menjagai dan mengurus hal ehwal gereja dan memastikan bahawa semua penganut akan berkembang dari segi *spiritual*. Mereka juga bertanggungjawab untuk menyebarkan *gospel* supaya menambah bilangan penganut dalam gereja.

B. Pastoral Ministry

Ia terdiri daripada penganut-penganut yang secara sukarela memegang jawatan sebagai *pastor* yang bertanggungjawab untuk memberi ajaran kepada penganut dan menyebar *gospel*. Sistem paderi gereja ini berbeza dengan sistem paderi gereja yang lain di

mana mereka tidak ada *Bishop* dan *Reverend* tetapi hanya *pastor* yang setaraf dengan penganut yang lain.

C. Deacon

Mereka adalah sekumpulan penganut yang akan membantu *oversight* mengurus hal-ehwal gereja. Mereka bertanggungjawab ke atas bahagian-bahagian tertentu seperti *Jonathan's Fellowship*, *Sisters' Fellowship* dan lain-lain.

D. Ahli Biasa

Mereka yang layak menjadi ahli adalah mereka yang telah melalui upacara *baptism*.¹¹ Mereka tidak memegang sebarang jawatan dalam gereja tetapi juga dianggap sebagai setaraf dengan kategori penganut yang lain. Mereka juga dilihat sebagai mempunyai pemberian Tuhan yang berkebolehan untuk menjalankan kerja *minister*. Penganut lelaki (*brother*) boleh mengetuai dan terlibat dalam pemujaan secara aktif. Dengan itu, semasa pemujaan, mereka tidak akan diketuai oleh seorang paderi. Malahan pula, sebilangan penganut lelaki akan dipilih pada tiap-tiap minggu yang akan sama-sama bertanggungjawab ke atas pemujaan itu.

Pendek kata, gereja ini adalah bersaiz sederhana, berdikari dan terasing dari pengurusan kerajaan serta gereja-gereja yang lain. Satu ciri yang istimewa adalah mereka tidak menggunakan struktur organisasi yang berbentuk hirarki tetapi memegang kepercayaan

bahawa semua penganut adalah "paderi" dengan caranya yang tersendiri.

2.3 Gereja Methodist Ayer Itam

2.3.1 Sejarah Perkembangan

Denominasi Methodist bermula sebagai satu gerakan untuk mencapai suatu pembaharuan oleh sekumpulan penganut Kristian dari gereja England pada abad 18. Peneroka yang terkemuka adalah John Wesley yang menekan dua aspek yang asas.¹² Pertama sekali, beliau menekan kepentingan penyebaran *gospel* (*Evengelism*) dan kedua, kepentingan untuk mengajar serta membimbing penganut-penganut dari segi perkembangan *spiritual* dan kepimpinan. Sebagai "Methodist", mereka menekan kajian yang teratur dan ketat ke atas kitab.¹³ Mereka menjadi satu denominasi yang tersendiri pada 1795 apabila mereka terkeluar dari gereja England.¹⁴ Usaha untuk menyebar *gospel* ke Malaya berlaku pada abad 19 dan ke Pulau Pinang pada tahun 1891.¹⁵ Pada tahun 1910, suatu pusat penyebaran telah dibina di Ayer Itam, Pulau Pinang di bawah penyeliaan gereja Methodist Madras Lane.¹⁶ Walau bagaimanapun, pusat penyebaran ini telah mengalami berbagai rintangan dan terpaksa ditutup. Pada tahun 1939, usaha penyebaran bermula sekali lagi dengan mengadakan perhimpunan di Sekolah Yik Teik selama tiga tahun. Pada tahun 1950, penganut bercadang untuk membina satu bangunan baru untuk pusat penyebaran ini. Bangunan ini disiapkan secara rasmi pada tahun yang sama pada 15hb. Ogos. Pada tahun 1960 pula, penganut telah membuat

permintaan supaya pusat penyebaran ini dijadikan sebagai satu gereja yang berdikari. Selanjut dari permintaan ini, pada bulan Oktober, ia dibentuk secara rasminya. Pada tahun 1968, semua perluasan bangunan telah habis dijalankan.¹⁷

2.3.2 Aktiviti-aktiviti

Oleh kerana gereja ini adalah gereja beraliran bahasa Cina, semua aktiviti akan dikendali dalam bahasa Hokkien sebagai bahasa utama dan bahasa Mandarin mengikut keadaan.

A. Pemujaan hari Ahad

Seperti gereja Butterworth Gospel Hall, ia juga diadakan pada setiap hari Ahad di mana penganut-penganut akan memuja secara beramai-ramai. Walau bagaimanapun, berbeza dari gereja Gospel Hall, *Lord's Supper* hanya diadakan sebulan sekali sahaja. Oleh kerana gereja ini hanya mengadakan perhimpunan dalam aliran bahasa Hokkien sahaja, maka sesi pemujaan tidak perlu dibahagikan kepada dua bahagian.

B. Sekolah Hari Ahad

Seperti gereja Gospel Hall, *sunday school* juga dibahagikan kepada *sunday school* untuk kanak-kanak dan *sunday school* untuk orang dewasa. Fungsi *sunday school* untuk kanak-kanak adalah sama seperti *sunday school* gereja Gospel Hall tetapi saiznya lebih besar iaitu sebanyak kira-kira 25 kelas. Satu *choir hymns* untuk kanak-kanak juga diadakan. *Sunday school* untuk orang dewasa yang diadakan sebelum pemujaan agak berbeza daripada gereja

Gospel Hall. Biasanya, selain daripada mengkaji **Kitab Injil**, satu topik khas akan ditentukan dahulu untuk dibincang bersama-sama.

C. Intermediate Fellowship

Fellowship ini adalah untuk remaja yang berumur antara 13-18 tahun. Ia berfungsi untuk membimbing mereka dari segi perkembangan *spiritual* dan meningkatkan pengetahuan mereka tentang nilai agama. *Fellowship* ini juga menggalakkan interaksi yang lebih supaya hubungan antara penganut akan sentiasa mesra.

D. Youth Fellowship

Fellowship ini adalah untuk pemuda-pemudi yang berumur 18 tahun ke atas. Fungsinya juga seiras dengan *intermediate fellowship*. Walau bagaimanapun, mereka mengenakan penekaan yang lebih tegas ke atas ahli-ahlinya supaya mempunyai motivasi diri untuk meningkatkan pengetahuan dari segi nilai agama dan menjalankan satu hubungan yang baik dengan Tuhan. *Fellowship* ini menyediakan ruang untuk mereka berbincang, mengemukakan persoalan mereka dan menyedia diri untuk menjadi penganut yang akan berkhidmat di bawah Tuhan. *Fellowship* ini juga merupakan tempat untuk mereka mengenali penganut-penganut lain dan menjalankan satu perhubungan yang mesra di antara mereka.

E. Adult Fellowship

Fellowship ini adalah untuk orang dewasa sahaja terutama mereka yang berumur melebihi 30 tahun. Ia menyediakan satu ruang untuk mereka saling membincang dan saling membantu

supaya mereka dapat berkembang secara *spiritual*. Mereka akan mengkaji Kitab Injil, mendoa, membuat pembuktian (*testimony*) dan mengadakan ceramah. Pendek kata, ia berfungsi untuk melatih sekumpulan penganut-penganut yang akan menjadi pemimpin pada hari kelak.

E. Sisters' Fellowship

Sama seperti gereja Gospel Hall, *fellowship* ini hanya adalah untuk penganut wanita sahaja. Ia berfungsi untuk memperkuuhkan nilai agama dan saling mengadakan satu perhubungan yang baik di kalangan penganut wanita.

G. Boys' dan Girls' Brigade

Ini adalah satu ciri keistimewaan bagi gereja Methodist. Ia bertujuan untuk memupuk sifat nilai yang baik di kalangan pemuda-pemudi yang berumur antara 9-17 tahun seperti berdisiplin, penghormatan diri dan yang lebih penting lagi, semua sifat sebagai seorang penganut Kristian yang baik. Ia adalah satu organisasi yang berasaskan nilai agama dan disiplin.

H. Lain-lain

Upacara dan aktiviti-aktiviti khas akan diadakan pada Hari Easter, Hari Krismas, Hari Tahun Baru Cina, Hari Bapa dan Ibu dan lain-lain hari perayaan. Kadang-kadang mereka juga akan mengadakan kemp yang bertujuan untuk menyebar *gospel* atau memperkuatkan nilai agama diri mereka. Tambahan pula, pertandingan dengan gereja-gereja Methodist yang lain juga

diadakan supaya penganut-penganut dari gereja yang berlainan dapat berinteraksi.

2.3.3 Struktur Organisasi

Gereja Methodist mempunyai struktur organisasi yang agak berbeza dengan gereja Gospel Hall iaitu ia berbentuk hirarki. Kerja pengurusan hal-ehwal dan aktiviti-aktiviti gereja dikendali oleh seorang paderi (*reverand*). Di bawahnya terdapat *deacon* yang membantunya. *Deacon* adalah terdiri daripada ketua-ketua *fellowship* yang telah dibincangkan tadi, kecuali *intermediate fellowship*. Selain daripada mereka, *elders* yang mempunyai tingkat kerohanian yang tinggi juga boleh dipilih sebagai *deacon*. Paderi juga dibantu oleh *pastor-pastor* yang bertanggungjawab menyebarkan *gospel* kepada bukan penganut dan memperkuuhkan nilai agama mereka yang telah menjadi penganut. Lain-lain yang telah melalui upacara *baptism* tetapi tidak memegang sebarang jawatan dalam gereja adalah ahli biasa sahaja. Mereka biasanya kurang terlibat secara aktif dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti tetapi merupakan peserta yang agak pasif. Pada tahun 1948, Malayan Chinese Annual Conference diadakan di mana gereja Methodist beraliran bahasa Cina di Malaya akan menyertai.¹⁸ Oleh itu, sebagai sebuah gereja beraliran bahasa Cina tempatan, ia adalah berada di bawah Annual Conference tersebut.

Pendek kata, gereja ini adalah bersaiz besar dengan ahlinya kira-kira seramai 200 orang. Ia juga merupakan gereja yang terasing dari kerajaan. Berbanding dengan gereja Gospel Hall ia

boleh dikatakan mempunyai struktur organisasi yang lebih kompleks.

2.4 Gereja Baptist Lip Sin Garden

2.4.1 Sejarah Perkembangan

Denominasi Baptist bermula pada akhir abad 16 dan awal abad 17 di mana keadaan gereja England sedang mengalami kemerosotan.¹⁹ Sekumpulan penganut telah bangkit dan ingin mengubahkan keadaan ini. Kumpulan penganut ini dipanggil sebagai "English Separatists". Pada tahun 1609, John Smyth dan kumpulan English Separatists itu telah mendirikan gereja Baptist. Walaupun selepas itu pembahagian berlaku dalam kumpulan English Separatists itu, di mana kumpulan-kumpulan yang terkeluar itu juga memanggil diri mereka sebagai Baptist yang mengambil pendirian yang agak berlainan, tetapi mereka tetap memperkongsikan 6 pendirian yang sama.²⁰

- A. Kitab Injil sebagai panduan kepada kepercayaan dan tingkah-laku.
- B. *Baptism* dengan cara *immersion*.
- C. Gereja terdiri daripada penganut yang percaya sahaja.
- D. Gereja tempatan mempunyai otonomi.
- E. *Priesthood of believers* - penganut adalah sebagai paderi dengan caranya yang tersendiri.
- F. Pengasingan dari kerajaan dan gereja lain.

Gereja Baptist pertama yang ditubuhkan di Malaysia adalah gereja Baptist Alor Star pada tahun 1938.²¹ Mereka berasal dari

kumpulan pengikut Baptist beraliran Southern Baptist America dari Swotow, China. Gereja Baptist yang pertama di Pulau Pinang pula ditubuhkan pada tahun 1953 di Jalan Anson. Pada tahun 1967, ia telah berpindah ke Jalan Macalister hingga sekarang. Usaha penyebaran telah mengakibatkan Pusat Baptist Lip Sin Garden ditubuhkan pada 8.7.1990 dan pemujaan pertama telah dimulakan pada 12.8.1990. Pada 12.8.1993, pusat ini telah berdikari dan menjadi gereja. Saiz gereja agak kecil dengan ahli seramai kira-kira 60 orang sahaja.

2.4.2 Aktiviti-aktiviti

Oleh kerana usia gereja ini masih muda dan saiznya masih dalam proses perkembangan, aktiviti yang dijalankan agak berbeza dengan gereja Methodist dan gereja Gospel Hall. Secara ringkas aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti di bawah:-

- A. Kumpulan Keluarga
- B. Kumpulan Pelajar Universiti
- C. Kumpulan Orang Dewasa
- D. Kumpulan Pemuda-pemudi
- E. Kelab Muzik
- F. Sekolah hari Ahad
- G. Kelab Kanak-kanak
- H. Latihan Ketua Kumpulan

Seperti lain gereja, ia juga berfungsi sebagai tempat pemujaan. Oleh itu, pada setiap hari Ahad, dua sesi pemujaan kolektif diadakan. Walau bagaimanapun, seperti gereja Methodist, *Lord's Supper* hanya diadakan sebulan sekali sahaja.

2.4.3 Struktur Organisasi²²

Terdapat 5 kategori penganut yang membentuk struktur organisasi gereja ini:-

A. Pastor

Beliau akan bertanggungjawab mengendali hal-ehwal gereja dan mengetuai pemujaan. Tambahan pula, beliau perlu memastikan bahawa semua penganut akan diberi pengajaran dan bimbingan yang mencukupi.

B. Deacon

Sama seperti *deacon* gereja yang lain, ia terdiri daripada beberapa penganut yang secara sukarela dan dipilih sebagai pembantu kepada *pastor*. Mereka juga bertanggungjawab memelihara perasaan mesra antara penganut-penganut.

C. Church Council

Council ini bertujuan untuk membuat persediaan dan memberi cadangan dalam mesyuarat am gereja.

D. Office Bearers

Office bearers terdiri daripada pengurus, naib pengurus, setiausaha, bendahari dan lain-lain ahli jawatankuasa. Fungsinya adalah untuk mengorganisasi dan menyelia aktiviti harian gereja. Mereka adalah bertanggungjawab kepada persidangan am.

E. Ahli Biasa

Ahli-ahli terdiri daripada penganut yang telah melalui upacara *baptism* sahaja. Mereka merupakan ahli yang agak aktif dalam pemujaan.

2.5 Rumusan

Latar belakang tiga gereja ini boleh dikatakan sebagai suatu pembentangan yang agak general dan tidak perinci. Sebenarnya, sejarah, aktiviti dan struktur organisasi mereka adalah lebih kompleks daripada ini. Latar belakang yang berlainan telah menyebabkan mereka mempunyai cara pemujaan yang agak berbeza. Cara pemujaan yang berbeza itu seterusnya mempengaruhi perluahan perasaan penganut terhadapnya yang tidak sama. Oleh itu, dalam bab 3, perbandingan cara pemujaan antara ketiga-tiga gereja itu akan dilaksanakan

Bab 3 CARA PEMUJAAN

3.1 Pengenalan

Dari bab 2, sudah jelas kelihatan bahawa ketiga-tiga gereja itu mempunyai ciri-ciri keunikan mereka yang tersendiri. Dari segi upacara pemujaan kolektif, mereka juga masing-masing memaparkan persamaan dan perbezaan dari berbagai aspek. Tidak dapat dinafikan bahawa, perbezaan di antara mereka amat berkait rapat dengan latar belakang mereka yang mempengaruhi cara pemujaan secara tidak langsung. Sebelum memaparkan cara pemujaan tiga gereja yang berada di bawah kajian itu, amatlah perlu di sini untuk menghuraikan secara ringkas makna, fungsi serta kepentingan "pemujaan" dalam konteks agama Kristian.

3.2 Definisi Pemujaan

Pemujaan merupakan gerak-balas manusia terhadap yang berkuasa dan suci iaitu kepada Tuhan yang satu.²³ Ia merupakan tingkah-laku manusia yang menunjukkan perasaan penghormatan dan perasaan cinta kepada Tuhan yang berkuasa. Ini bermakna pemujaan kepada *idol* tidak boleh dianggap sebagai pemujaan yang sebenar tetapi telah menyeleweng dari makna pemujaan. Lebih-lebih lagi, ia adalah satu-satu cara untuk berinteraksi dengan Tuhan yang berada dalam bentuk *spiritual*.

3.3 Fungsi Pemujaan Kolektif

"Memuja" bagi seseorang penganut Kristian mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:-²⁴

- A. Penganut dapat membina dan mengekalkan hubungan yang rapat dengan Tuhan.
- B. Kehidupan penganut diperkayakan dan diperbaharui melalui hubungan yang rapat itu.
- C. Bagi institusi gereja, pemujaan beramai-ramai dapat mengikatkan ahli-ahlinya bersama iaitu mempunyai fungsi perpaduan.
- D. Nilai-nilai dan doktrin yang dipentingkan oleh gereja yang dipegang oleh penganut dapat diperkuatkan.

3.4 Kepentingan Pemujaan

Pemujaan adalah sangat penting bagi penganut kerana ia adalah satu cara di mana mereka boleh berinteraksi dengan Tuhan. Interaksi yang intensif ini adalah mustahak supaya mereka akan sentiasa mengingati suruhanNya dan dapat mengelakkan diri dari gangguan syaitan.

3.5 Elemen-elemen Pemujaan Kolektif

Lima elemen yang utama mesti terkandung dalam pemujaan kolektif iaitu:-

A. Nyanyian Hymns (lagu suci)

Lagu-lagu ini adalah penting semasa pemujaan kerana ia bertujuan untuk:-

- (i) Memuji keagungan Tuhan
- (ii) Bersyukur ke atas kasih sayangNya
- (iii) Mengagung-agungkan keajaiban Tuhan

Pendek kata, dengan *hymns*, penganut-penganut dapat meluahkan perasaan kasih sayangnya kepada Tuhan dan sementara itu melaluiinya, penganut-penganut juga dapat merasai keagungan dan kasih sayang Tuhan kepadanya.

B. Mendoa

Ia juga merupakan satu cara untuk berinteraksi dengan Tuhan. Penganut-penganut dikehendaki merendahkan kepala dan menutup mata semasa mendoa supaya penganut boleh menumpukan perhatian mereka. Mereka mendoa di bawah nama Yesus Kristus (*Jesus Christ*) kerana manusia adalah berdosa iaitu hanya melalui Yesus Kristus, barulah penganut dapat mendekati Tuhan. Pada setiap doa, akan diakhiri dengan *Amen* yang bermaksud "dengan hati yang benar" dan "harap Tuhan akan membenarkan dengan mengikut kehendakNya".

C. Sermon

Ia dilakukan oleh *pastor* yang akan membincang satu topik yang biasanya dikutip dari Kitab Injil. Perbincangan ini bertujuan untuk memperkuatkan nilai agama penganut-penganut.

D. Upacara Lord's Supper

Bagi setengah gereja, ia tidak dilakukan pada *setiap* pemujaan beramai-ramai iaitu hanya untuk sebulan sekali sahaja. Walau bagaimanapun, ia merupakan elemen yang paling penting bagi pemujaan kerana ia adalah hasil daripada suruhan Yesus Kristus supaya berbuat demikian, pada malam sebelum ia dihukum mati (*the Last Supper*).²⁵ Upacara ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:-

- (i) *Break the Bread*- Roti atau biskut akan dipecahkan dan diberi kepada penganut-penganut untuk dimakan. Roti atau biskut itu mewakili badan Yesus Kristus
- (ii) *Pour the Wine* - Arak anggur akan dituangkan ke dalam cawan besar atau kecil dan diberi kepada penganut untuk diminum. Arak itu pula mewakili darah Yesus Kristus

Upacara *Lord's Supper* dilakukan untuk mengingati Yesus Kristus yang berkorban untuk manusia. Dengan itu, penganut-penganut patut menikmatinya dengan perasaan syukur dan penuh kegembiraan. Ini ada kerana upacara ini menggambarkan *heavenly meal* akan diteruskan di kerajaan Tuhan (*Kingdom of God*).²⁶


"In Eucharist, we offer ourselves, our prayers, our thanks, our hearts to God and we do so only in Christ and through Christ and in it too we receive the benefit of Christ passion."²⁷

E. Offertory

Wang didermakan untuk berbagai tujuan dan yang terutama sekali untuk perbelanjaan gereja.

3.6 Tempat Pemujaan

Biasanya, sesebuah tempat pemujaan dalam sebuah gereja besar akan dibina mengikut rekabentuk palang (*cross*) dan mempunyai perkakas-perkakas seperti yang dipaparkan di bawahnya:-²⁸



Bagi gereja yang kecil atau sebagai pusat penyebaran sahaja, kemudahan yang ada adalah lebih simpel. Biasanya, ia hanya mempunyai tempat duduk untuk penganut-penganut, meja untuk meletak *Lord's Supper*, piano dan *pulpit* sahaja.

3.7 Cara Pemujaan

3.7.1 Gereja Butterworth Gospel Hall

Cara pemujaan Gospel Hall boleh dikatakan sebagai yang paling simpel berbanding dengan dua gereja yang lain. Mereka mengikuti

prosedur upacara yang agak sama pada setiap minggu. Sementara itu, upacara *Lord's Supper* dilaksanakan pada tiap-tiap pemujaan beramai-ramai. Satu ciri yang khas bagi mereka ialah penganut-penganut wanita yang telah melalui upacara *baptism* perlu memakai kain di atas kepala mereka semasa memuja. Ini adalah bertujuan untuk menutup *glory* manusia kerana dipercayai bahawa wanita adalah "*the glory of men*" dan lelaki adalah "*the glory of Christ*". Dengan itu, kepala wanita ditutup supaya *glory* tetap terpulang kepada Tuhan sahaja dan bukan untuk manusia diri sendiri. Mereka mengguna bahasa Hokkien untuk mengendali upacara tetapi semasa *sermon*, seorang penganut akan menterjemahkan *sermon* itu kepada bahasa Mandarin.

Di bawah adalah huraian ringkas tentang prosedur pemujaan mereka:-

Upacara dimulakan dengan nyanyian *hymns* dari buku "Wang Ming Song Yang" yang bermakna "pujian oleh ribuan rakyat" oleh semua penganut secara berdiri (*hymns* ini mempunyai muzik yang tradisional). Selepas setiap lagu, mereka akan mendiam seketika untuk memikir secara *spiritual*. Biasanya, petikan dari Kitab Injil akan dibaca oleh seorang *brother*. Di samping menyanyi, mereka juga akan mendoa bersama-sama. Prosedur upacara *Lord's Supper* juga agak simpel. Ia tidak diketuai oleh *pastor* tetapi oleh penganut lelaki yang berkedudukan biasa. Prosedur ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama, seorang penganut akan menjalankan upacara *break the bread* dan roti itu akan diedarkan. Setiap penganut yang sudah melalui upacara *baptism* akan makan secebis darinya. Bahagian kedua adalah upacara *pour the wine* yang

dijalankan oleh seorang penganut lelaki yang lain dan diedarkan mengikut cara yang sama seperti pengedaran roti. Selepas upacara *Lord's Supper*, sermon akan diadakan dan diikuti pula dengan pendermaan, laporan dan doa akhir sebelum bersurai. Selepas bersurai, brother dan sister biasanya akan bersama-sama menikmati makanan tengahhari termasuk pastor mereka (terutama bagi penganut yang lebih muda).

Suasana pemujaan adalah *peaceful* dan *solemn*. Penganut akan mendiam diri walaupun upacara belum bermula. Mereka amat mementingkan pemujaan secara *spiritual* iaitu dengan berfikir dan bukan dengan perluahan emosi. Semasa pemujaan, tidak terwujud sebarang interaksi antara penganut seperti berjabat tangan. Prosedur yang dijalankan adalah teratur, *routine* tetapi tidak rigid dan kurang formal.

3.7.2 Gereja Methodist Ayer Itam

Cara pemujaan bagi gereja ini adalah kompleks dan formal. Pada setiap pemujaan, mereka akan mengikuti langkah-langkah prosedur seperti yang dipaparkan dalam satu jadual yang disediakan sebelum pemujaan. Walaupun penganut tidak perlu memakai pakaian yang khas, tetapi paderi biasanya akan memakai pakaian paderi yang ditetapkan terutama pada hari *Lord's Supper* diadakan. Paderi dan pengerusi upacara (biasanya *deacon* yang lebih berusia) akan duduk di atas *sanctuary* yang agak berjauhan dengan penganut-penganut lain. Mereka menggunakan bahasa Hokkien pada seluruh upacara pemujaan.

Sebelum upacara, terdapat *prelude* di mana orang ramai akan diketuai oleh seorang penganut untuk menyanyi dari buku "Hymns of Praise" (lagu yang lebih moden). Tepat pada masa pemujaan yang ditetapkan, pengerusi, paderi dan *choir* akan masuk ke dalam tempat pemujaan dan duduk di tempat yang ditetapkan. Organ akan dimainkan dan pengerusi akan membuat *call to worship*. Selepas itu, orang ramai akan menyanyi *hymns* dalam bahasa Hokkien dari "Amoy Hymnal" yang diketuai oleh pengerusi itu. Mereka akan diarah berdiri semasa menyanyi. Seperti gereja Gospel Hall, *scripture reading* juga dilaksanakan selepas beberapa buah lagu dinyanyikan dan doa akan dibuat pada masa yang sesuai. Satu keistimewaan upacara gereja ini ialah terdapat persembahan lagu suci oleh *choir* atau oleh ahli-ahli *fellowship* samada *adult fellowship*, *intermediate fellowship* atau *youth fellowship*. Semasa pendermaan dilakukan ia juga dilaksanakan mengikut prosedur yang formal. Paderi akan mengambil piring yang mengandungi "beg-beg" dari *altar* untuk mengambil kutipan dan 4 penganut akan naik ke *sanctuary* dan mengambil satu "beg" masing-masing. "Beg-beg" itu akan diedarkan oleh 4 penganut itu dan juga akan dipulangkan oleh mereka ke dalam piring itu. Seterusnya, ia akan diletakkan ke atas *altar* semula oleh paderi.

Pada hari pemujaan yang tidak melaksanakan upacara *Lord's Supper*, selepas setiap *sermon* yang akan dilakukan oleh paderi, laporan akan dibuat. Ini diikuti pula dengan doa, nyanyian *hymns*, doa selamat (*benediction*) dan akhirnya lagu *Amen* akan dinyanyikan oleh orang ramai. Upacara diakhiri dengan *silent*

prayer (mendoa secara mendiam) dan selepas itu orang ramai akan bersurai.

Pada hari upacara *Lord's Supper* pula (minggu pertama setiap bulan), upacara ini diadakan selepas *sermon*. Upacara ini juga agak formal di mana petikan doa, kebanyakannya adalah dipetik dari satu buku yang khas untuk kegunaan upacara ini—"The Ritual of the Lord's Supper". Upacara ini mesti diketuai oleh seorang paderi dan 4 *deacon* yang lain. Mereka akan naik ke atas *sanctuary* dan bersama-sama melutut di sekeliling sebuah meja di mana *Lord's Supper* terletak. Selepas doa (diketuai oleh paderi), orang ramai diminta secara bergiliran berlutut di depan *altar rail* untuk menerima *Lord's Supper*. Paderi akan mendoa untuk mereka dan prosedur ini akan berulang beberapa kali sehingga semua penganut yang telah melalui upacara *baptism* habis menikmati *Lord's Supper*. Lain prosedur yang seterusnya adalah agak sama seperti hari pemujaan yang tidak mengadakan upacara *Lord's Supper*.

Pendek kata, upacara pemujaan oleh gereja ini agak teratur, formal dan *impressive*. Semasa pemujaan, tiada interaksi antara penganut berlaku. Malahan pula, selepas pemujaan, interaksi adalah mengikut kehendak perseorangan sahaja.

3.7.3 Gereja Baptist Lip Sin Garden

Upacara pemujaan gereja ini adalah yang paling *flexible* dan tidak *routine* jika dibanding dengan dua gereja yang lain. Upacara *Lord's Supper* juga seperti gereja Methodist, dilaksanakan pada setiap minggu pertama setiap bulan. Tempat pemujaan adalah simpel dengan *pulpit*, kerusi-kerusi untuk penganut-penganut

duduk, piano dan meja untuk meletak *Lord's Supper* sahaja. Paderi dan penganut akan duduk bersama-sama tanpa jarak yang jauh. Seluruh upacara pemujaan akan dikendalikan dalam bahasa Mandarin.

Prosedur upacara pemujaan juga agak sama dengan dua gereja yang lain iaitu mengandungi 5 elemen yang penting itu, tetapi cara mengendalikannya adalah sangat berbeza. Pada mulanya, *hymns* akan dinyanyi bersama-sama dari buku "Hymns of Praise" atau memakai lirik dari *slide*. Semua *hymns* yang dinyanyikan kebanyakannya adalah dalam muzik yang moden. Semasa menyanyi, mereka boleh samada duduk atau berdiri. Nyanyian ini akan diketuai oleh seorang pengerusi upacara yang biasanya akan cuba membangkitkan perasaan yang mesra antara penganut-penganut. Kadang-kadang penganut-penganut akan diminta berjabat tangan di antara satu sama lain, memegang tangan semasa menyanyi atau menepuk tangan. Pada masa yang lain pula, penganut diminta menyanyi dengan mata tutup atau dengan mengangkatkan tangan.

Pada hari *Lord's Supper* tidak dilaksanakan, selepas nyanyian lagu, doa akan diucap pada masa-masa yang sesuai dan diikuti dengan *scripture reading* yang akan dilakukan sekali sekala. Seterusnya adalah *sermon* yang dilakukan oleh *pastor* samada untuk tujuan menyebar *gospel* atau untuk memperkuatkan nilai agama penganut. Biasanya selepas *sermon*, derma akan dikutip dan pengerusi akan memperkenalkan kawan-kawan baru yang pertama kali datang ke gereja itu. Upacara diakhiri dengan lagu *Amen* dan *silent prayer*.

Walau bagaimanapun, prosedur-prosedur ini bukanlah rigid tetapi boleh diubah mengikut keadaan. Contohnya semasa ulangtahun kelab muzik yang pertama, selepas nyanyian lagu, persesembahan akan diadakan. Kadang-kadang penganut-penganut akan membuat pembuktian supaya memberi keyakinan kepada penganut yang lain. Dengan erti kata lain, prosedur upacara adalah *flexible* tetapi 4 elemen yang asas mesti didapati iaitu nyanyian *hymns*, doa, *sermon* dan *offertory*.

Pada hari upacara *Lord's Supper*, prosedur seluruh upacara pemujaan menjadi lebih simpel iaitu mengikut aturan berikut:- Nyanyian *hymns*, doa pada masa yang sesuai, upacara *Lord's Supper*, *sermon*, pendermaan, nyanyian *hymns*, nyanyian lagu *Amen*, *silent prayer*, bersurai. Upacara *Lord's Supper* gereja ini adalah agak sama dengan gereja Gospel Hall. Yang berbeza adalah upacara ini adalah diketuai oleh seorang paderi dan biskut serta arak akan dimakan atau diminum pada masa yang sama mengikut arahan paderi. Sementara di Gospel Hall pula, penganut menikmati *Lord's Supper* secara masing-masing dan bukan pada masa yang sama. Selepas pemujaan, biasanya ada satu jamuan teh diadakan supaya penganut-penganut dapat berinteraksi dengan selanjutnya.

3.8 Perbandingan

Sebagai kesimpulan, perbandingan akan dibuat untuk menunjukkan perbezaan di antara mereka yang penting.

A. Gereja Methodist akan menjalankan upacara mengikut prosedur yang telah ditetapkan secara rigid sementara gereja Gospel

Hall, walaupun mengikuti prosedur yang teratur tetapi tidak mengikut prosedur yang rigid. Bagi gereja Baptist mereka mengikut prosedur yang sangat *flexible*.

B. Semasa pemujaan, tiada interaksi yang intensif berlaku untuk gereja Gospel Hall dan Methodist tetapi ada bagi gereja Baptist iaitu seperti berjabat tangan, memegang tangan dan memperkongsikan sanubari mereka.

C. Jarak tempat duduk paderi semasa memuja adalah agak berjauhan dari penganut-penganut bagi gereja Methodist berbanding dengan gereja Gospel Hall dan gereja Baptist.

D. Prosedur upacara yang sangat formal bagi gereja Methodist terutama dari aspek upacara *Lord's Supper* dan semasa mengutip derma. Sementara bagi dua gereja yang lain, prosedur upacara agak kurang formal bagi gereja Gospel Hall dan tidak formal bagi gereja Baptist.

E. Upacara pemujaan bagi gereja Methodist dan Gospel Hall adalah lebih konservatif jika dibanding dengan gereja Baptist yang telah menyerap elemen-elemen dunia moden ke dalam upacaranya. Contohnya, nyanyian *hymns* yang lebih terkini boleh dinyanyikan semasa memuja sementara bagi dua gereja yang lain, ini tidak dibenarkan. Pemujaan gereja Baptist adalah lebih *flexible* di mana berbagai persembahan boleh diadakah semasa pemujaan.

F. Terdapat penglibatan yang aktif bagi penganut lelaki dalam mengendali pemujaan bagi gereja Gospel Hall sementara bagi gereja Baptist, penglibatan penganut juga adalah agak aktif dan diikuti oleh gereja Methodist yang boleh disifatkan sebagai pasif.

G. Suasana pemujaan bagi gereja Gospel Hall adalah *solemn* dan *peaceful*. Malahan pula, bagi gereja Baptist adalah beremosi dan mesra. Untuk gereja Methodist pula ia boleh digambarkan sebagai *impressive*.

Melalui perbandingan cara pemujaan ketiga-tiga gereja ini, adalah lebih mudah untuk memperlihatkan dengan jelas perbezaan pandangan dan perasaan yang dipaparkan dalam keputusan soal selidik di bab 4. Perbezaan jawapan yang dipaparkan ada hubungan yang rapat dengan cara pemujaan yang berlainan yang dipraktikkan oleh ketiga-tiga gereja itu.

BAB 4 ANALISI KEPUTUSAN SOAL SELIDIK

4.1 Pengenalan

Bab ini adalah penting untuk memberi satu gambaran yang jelas tentang persamaan dan perbezaan pandangan dan perasaan penganut-penganut antara tiga gereja yang di bawah kajian, terhadap cara pemujaan gereja mereka yang akan dikaji dari berbagai aspek. Usaha penganalisaan terhadap keputusan soal selidik akan membantu kita memahami dengan lebih tepat hubungan antara berbagai angkubah dalam situasi yang sebenar. Analisi akan dibahagikan kepada dua tahap:-

A. Tahap Pertama

- (i) Membandingkan perasaan penganut semasa memuja- Adakah mereka berasa bosan?
- (ii) Membandingkan pandangan penganut terhadap cara pemujaan dan pemujaan.
 - a. Sebab mereka berasa bosan semasa memuja.
 - b. Masalah-masalah cara pemujaan.
 - c. Adakah cara pemujaan gereja mereka perlu diubah? Sebabnya.
 - d. Adakah cara pemujaan gereja mereka boleh diubah? Sebabnya.
- (iii) Kecenderungan penganut-penganut memuja di gereja lain.
 - a. Apa gereja yang mereka pergi?
 - b. Sebab mereka pergi ke gereja lain untuk memuja.

- (iv) Membandingkan status komunikasi penganut dengan penganut yang lain selepas memuja.
 - a. Adakah mereka menghadapi masalah komunikasi?
 - b. Apakah masalah itu.
- (v) Membandingkan status hubungan penganut dengan Tuhan.

B.Tahap Kedua

- (i) Hubungan antara angkubah.
- (ii) Hubungan antara perasaan semasa memuja dengan cara pemujaan tiga gereja yang berlainan.

*Sampel soal selidik yang digunakan berada di lampiran 1

4.2 Kekerapan Jantina dan Gereja

Dalam kajian soal selidik ini, kekerapan bagi sampel jantina lelaki adalah 14 orang iaitu 35% dari seluruh sampel, sementara bagi jantina perempuan, kekerapan adalah 26 orang iaitu 65% dari seluruh sampel. Kekerapan sampel mengikut gereja pula adalah gereja Methodist Ayer Itam (MAI) seramai 19 orang (47.5%), gereja Butterworth Gospel Hall (BGH) seramai 12 orang (30%) dan akhir sekali bagi gereja Baptist Lip Sin Garden (BLS) adalah 9 orang sahaja (22.5%). Kekerapan jantina mengikut gereja pula adalah seperti yang dibentangkan di bawah:-

JADUAL 1: KEKERAPAN JANTINA MENGIKUT GEREJA

GEREJA/ JANTINA	MAI	BGH	BLS	JUMLAH
L	6	7	1	14
P	13	5	8	26
TOTAL	19	12	9	40

PETUNJUK: L=LELAKI P=PEREMPUAN

4.3 Analisi Tahap Pertama

4.3.1 Membandingkan Perasaan Penganut Semasa Memuja

Jika membandingkan aspek ini mengikut jantina, walaupun ternampaknya lebih penganut perempuan menyatakan bahawa mereka "kadang-kadang berasa bosan" semasa memuja iaitu 18 berbanding dengan 9 orang penganut lelaki yang memberi jawapan yang sama, tetapi oleh kerana angkubah jantina tidak diagihkan secara saksama, maka keputusan ini tidak boleh dikatakan sebagai *significant*. Tambahan pula, terdapat 8 penganut perempuan yang menyatakan bahawa mereka "tidak pernah berasa bosan" berbanding dengan 5 orang penganut lelaki sahaja. Ini bermakna, korelasi antara kebosanan semasa memuja dengan jantina perempuan tidak sekuat yang disangkakan.

Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang jelas antara status kebosanan semasa memuja dengan 3 gereja yang berlainan. Dari 19 penganut dari gereja MAI, kelihatan bahawa lebih ramai penganut yang menyatakan bahawa mereka "kadang-kadang berasa bosan" semasa memuja berbanding dengan yang "tidak pernah" iaitu

15 orang dan 4 orang masing-masing. Bagi gereja BGH, penganut yang menyatakan bahawa mereka "kadang-kadang berasa bosan" dengan yang "tidak pernah" adalah lebih kurang sama iaitu seramai 7 orang dan 5 orang masing-masing. Keputusan yang sama didapati bagi gereja BLS iaitu 5 orang mengatakan bahawa mereka "kadang-kadang berasa bosan" dan 4 orang yang mengatakan bahawa mereka "tidak pernah". Ini bermakna, antara 3 gereja itu, lebih penganut dari gereja MAI yang berkecenderungan untuk menjadi bosan semasa memuja berbanding dengan gereja yang lain. Ini mungkin disebabkan oleb cara pemujaan yang berlainan yang dipraktikkan oleh gereja masing-masing atau pandangan penganut ke atas pemujaan dan cara pemujaan yang berlainan ataupun akibat kedua-dua sebab itu. Untuk membuktikan andaian ini dengan selanjutnya, kita terpaksa menerus ke persoalan kedua.

4.3.2 Membandingkan Pandangan Penganut terhadap Pemujaan dan Cara Pemujaan

A. Sebab berasa bosan

Ternampaknya ada perbezaan yang jelas antara gereja MAI dengan gereja BGH dari segi pandangan mereka tentang "sebab kebosanan semasa memuja". Kelihatan bahawa lebih ramai penganut dari gereja MAI yang berpendapat bahawa kebosanan adalah diakibatkan oleh kedua-kedua (1) hubungan penganut dengan Tuhan yang tidak baik dan (2) masalah cara pemujaan, iaitu seramai 13 yang bersetuju bahawa kedua-kedua sebab itu adalah akibat kebosanan. Bagi gereja BGH pula, keadaan yang sebaliknya berlaku, iaitu 10 orang penganut memilih jawapan (1) dan 2 orang memilih

jawapan kedua-dua (1) dan (2). Bagi gereja BLS pula, ia lebih mirip kepada keadaan gereja MAI, di mana 7 orang memilih kedua-dua sebab dan hanya 2 orang memilih jawapan (1). Ini terbuktinya, nilai agama yang dipegang oleh penganut-penganut dari tiga gereja itu adalah agak berlainan. Ini bermakna gereja BGH mempunyai nilai agama yang kuat tentang menumpukan perhatian penganut kepada membina hubungan yang baik dengan Tuhan sahaja dan menafikan sama sekali cara pemujaan sebagai akibat kebosanan. Nilai agama ini yang dimanifestasikan oleh gereja ini diandaikan akan mempengaruhi perasaan mereka semasa memuja. Bagi gereja BLS dan MAI, nilai agama di atas tidak dipegang dengan kuat. Ini akan mengakibatkan penganut dari kedua-dua gereja ini mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan yang dipraktikkan (permintaan mereka ditunjukkan melalui pemilihan jawapan (2) sebagai sebab kebosanan) dan permintaan ini akan secara langsung mempengaruhi perasaan penganut terhadap pemujaan. Untuk meneliti apakah permintaan penganut terhadap cara pemujaan, kita terus ke persoalan B.

B. Masalah-masalah cara pemujaan

Dari 9 masalah cara pemujaan yang dipaparkan untuk dipilih, hanya 6 masalah yang mempunyai keputusan yang *significant* iaitu 3 masalah lain (bahasa, muzik yang terlalu tradisional, terlalu *impressive*) jarang dianggap sebagai masalah oleh penganut. Masalah yang paling banyak dipilih oleh penganut adalah masalah "terlalu konservatif" iaitu seramai 19 orang memilih jawapan ini (13-MAI, 6-BLS). Masalah yang kedua paling banyak dipilih adalah

"terlalu *routine*". Dari 13 orang yang memilih, 10 orang adalah dari gereja MAI, 1 orang dari gereja BGH dan 2 orang dari gereja BLS. Seterusnya adalah masalah "terlalu formal" iaitu dari 11 orang yang memilih, 7 orang adalah dari gereja MAI, 1 orang dari gereja BGH dan 3 orang dari gereja BLS. Lain-lain masalah adalah "tiada interaksi antara penganut", "tiada interaksi antara penganut dan *pastor*" dan "tiada kebebasan menunjukkan perasaan" dengan 13 orang (9-MAI, 4-BLS), 11 orang (8-MAI, 3-BLS) dan 10 orang (9-MAI, 1-BLS) yang memilih masing-masing.

JADUAL 2: BILANGAN PENGANUT DARI SEGI MEMILIH MASALAH-MASALAH CARA PEMUJAAN MENGIKUT GEREJA

M/G	A	B	C	D	E	F	J.S.
MAI	13	10	7	9	8	9	19
BGH	0	1	1	0	0	0	12
BLS	6	2	3	4	3	1	9
T	19	13	11	13	11	10	40

PETUNJUK: A=TERLALU KONSERVATIF B=TERLALU ROUTINE
 C=TERLALU FORMAL D=TIADA INTERAKSI ANTARA PENGANUT
 E=TIADA INTERAKSI ANTARA PENGANUT DAN PASTOR F=TIADA
 KEBEBASAN MENUNJUKKAN PERASAAN
 T=TOTAL J.S.=JUMLAH SAMPEL M=MASALAH G=GEREJA

Secara keseluruhan, kita boleh menyatakan bahawa penganut dari gereja MAI dan gereja BLS berkecenderungan untuk berkeinginan suatu cara pemujaan yang tidak konservatif, tidak terlalu *routine* dan formal iaitu mempunyai darjah fleksibiliti yang

tertentu, interaksi yang lebih semasa memuja samada dengan *pastor* ataupun penganut lain dan akhir sekali ada kebebasan untuk menunjukkan perasaan mereka semasa memuja. Dengan itu, kita boleh membuat andaian bahawa jika permintaan di atas tidak dipenuhi, maka akan tertimbul perasaan tidak puas di antara penganut terhadap cara pemujaan yang dipraktikkan. Perasaan tidak puas ini mungkin merupakan salah satu faktor yang membangkitkan perasaan kebosanan semasa memuja. Kita akan membuktikan hubungan ini dengan selanjutnya pada tahap analisis kedua.

C. Adakah cara pemujaan boleh diubah

Dari aspek ini, kebanyakan penganut berpendapat bahawa cara pemujaan boleh diubah iaitu dari 40 orang yang menjawab, hanya 3 orang yang berpendapat bahawa cara pemujaan tidak boleh diubah (1-MAI, 2-BGH). Dengan itu, dari segi ini, ia bukan satu faktor yang menyebabkan perbezaan perasaan penganut semasa memuja.

D. Adakah cara pemujaan gereja mereka perlu diubah

Dari aspek ini, terdapat perbezaan yang jelas antara 3 gereja yang dikaji. Penganut-penganut dari gereja BGH dan BLS semua berpendapat bahawa cara pemujaan gereja mereka tidak perlu diubah (kecuali 1 orang dari gereja BLS yang tidak memberi jawapan). Bagi gereja MAI, 15 orang berpendapat bahawa cara pemujaan mereka perlu diubah dan hanya 4 orang yang anggap tidak perlu. Sebab mereka berkeinginan perubahan (yang diberi oleh mereka dalam soal selidik) boleh dibahagikan kepada 2 kategori

sahaja iaitu pertama, mereka tidak puas dengan cara pemujaan yang dipraktikkan kini (terlalu konservatif, *routine* dan lain-lain) serta kedua, mereka menginginkan cara pemujaan yang lebih sesuai (lebih bebas, lebih bertenaga dan lain-lain). Dengan itu, ternampaknya kebanyakan pengikut dari gereja MAI yang tidak puas dengan cara pemujaan gereja mereka. Bagaimana aspek ini berhubung dengan permintaan mereka terhadap cara pemujaan dan kebosanan semasa memuja akan dianalisi pada tahap kedua.

4.3.3 Kecenderungan Penganut Memuja di Gereja Lain

Dari 40 orang dari sampel keseluruhan, 23 orang pernah memuja di gereja lain (11-MAI, 9-BGH, 3-BLS), 16 orang tidak pernah dan seorang lagi tidak memberi sebarang jawapan.

A. Apa gereja yang mereka pergi

Dari jawapan yang mereka beri, terdapat 12 denominasi gereja yang berlainan yang pengikut cenderung pergi iaitu:-

- (i) Gereja dari denominasi yang sama = 6 orang
- (ii) Gereja Baptist = 11 orang
- (iii) Gereja Methodist = 5 orang
- (iv) Gereja Assembly of God (AOG) = 5 orang
- (v) Gereja Full Gospel Assembly = 1 orang
- (vi) Gereja Pentecostal = 1 orang
- (vii) Gereja Anglican = 3 orang
- (viii) Gereja St. Paul = 1 orang
- (ix) Gereja Gospel Hall = 1 orang
- (x) Gereja Presbyterian = 3 orang
- (xi) Christ's Commission Evangelical Centre (CNEC) = 2 orang

(xii) Christian Crusade of Christ (CCC) = 1 orang

Dari 12 gereja ini, ada penganut yang pernah **pergi lebih** dari 1 gereja.

Dari keputusan di atas, jelas kelihatan bahawa lebih ramai penganut pergi ke gereja Baptist untuk memuja iaitu 7 dari gereja MAI dan 4 dari gereja BGH.

B. Sebab mereka pergi ke gereja lain

Sebab-sebab boleh dibahagikan kepada 5 kategori seperti yang dipaparkan oleh Jadual 3 di bawah:-

JADUAL 3: PERBANDINGAN ANTARA 3 GEREJA BILANGAN PENGANUT YANG PERGI KE GEREJA LAIN MENGIKUT SEBAB-SEBAB

SEBAB/ GEREJA	A	B	C	D	E
MAI	0	5	0	3	1
BGH	6	1	3	2	0
BLS	1	0	0	0	0

PETUNJUK: A=KEADAAN TERPAKSA B=MEMENUHI KEHENDAK PERIBADI C=MELAWAT D=BELAJAR E=PERAYAAN ISTIMEWA

Sebab yang membawa makna dalam kajian ini adalah "memenuhi kehendak peribadi". Jelas kelihatan bahawa ada penganut dari gereja MAI yang pergi ke gereja lain untuk memuja supaya dapat mencari cara pemujaan yang menyesuai kehendak peribadi. Sementara bagi gereja BGH, mereka lebih berkecenderung

untuk pergi atas sebab keadaan terpaksa, untuk melawat dan belajar sahaja. Tambahan pula, dari 5 orang (gereja MAI) yang memberi sebab B, 4 orang pergi ke gereja Baptist dan seorang pergi ke gereja CCC dan AOG. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kecenderungan 5 pengikut itu untuk pergi ke gereja lain untuk memuja, ada kaitan yang rapat dengan ketidakpuasan mereka terhadap cara pemujaan gereja mereka (mereka semua anggap cara pemujaan gereja mereka perlu diubah).

4.3.4 Perbandingan Status Komunikasi Pengikut dengan Pengikut yang Lain Selepas Memuja

A. Adakah mereka menghadapi masalah

Secara keseluruhan, pengikut dari 3 gereja juga menghadapi masalah komunikasi selepas memuja. Keputusan adalah seperti yang dipaparkan di bawah:-

JADUAL 4: PERBANDINGAN ANTARA 3 GEREJA BILANGAN PENGITUT MENGIKUT STATUS KOMUNIKASI PENGITUT DENGAN PENGITUT YANG LAIN SELEPAS MEMUJA

STATUS/ GEREJA	ADA	KADANG- KADANG	TIDAK	TIADA JAWAPAN
MAI	4	8	6	1
BGH	1	5	6	0
BLS	1	5	3	0

B. Apa masalah

Masalah komunikasi telah diasingkan kepada 3 kategori iaitu (i) jurang, (ii) personaliti sendiri dan (iii) keadaan tertentu seperti tiada masa, letih, sibuk dan lain-lain. Kebanyakan penganut menghadapi masalah jurang iaitu seramai 13 orang dari sampel keseluruhan (MAI-8, BGH-3, BLS-2). Malahan pula, 9 orang menghadapi masalah (iii) iaitu 3 dari setiap gereja dan hanya 3 orang yang menghadapi masalah (ii).

4.3.5 Perbandingan Status Hubungan Penganut dengan Tuhan

Kebanyakan penganut mempunyai hubungan yang sangat baik atau biasa dengan Tuhan mereka. Hanya 2 orang dari gereja MAI yang menganggap hubungan dengan Tuhannya "tidak baik" dan "tidak tentu" masing-masing. Bagi gereja MAI hanya 4 orang yang mempunyai hubungan yang sangat baik dengan Tuhan. 12 orang pula mempunyai hubungan yang biasa. Bagi gereja BGH pula, 5 orang menganggap hubungan dirinya dengan Tuhan adalah "baik" dan 6 orang anggap hubungan itu adalah "biasa" sahaja. Akhir sekali, bagi gereja BLS, 3 orang mempunyai hubungan yang sangat baik dan 6 orang mempunyai hubungan yang biasa. Hubungan ini dianggap sebagai mempunyai kaitan yang rapat dengan perasaan penganut semasa memuja yang akan dibincang dengan selanjutnya semasa analisi tahap kedua.

4.4 Rumusan

Dari keputusan di atas, kita mendapati bahawa penganut gereja MAI lebih berkecenderungan untuk berasa bosan semasa memuja. Tambahan pula, mereka mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan mereka sementara gereja BGH tidak. Lebih-lebih lagi mereka anggap cara pemujaan gereja mereka perlu perubahan dan segelintir dari mereka lebih cenderung untuk pergi ke gereja lain supaya boleh mencari cara pemujaan yang lebih sesuai untuk mereka. Oleh itu, didapati bahawa ada faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi perasaan penganut semasa memuja secara langsung.

4.5 Analisi Tahap Kedua

4.5.1 Hubungan antara Angkubah

Dalam tahap ini, kita akan meninjau hubungan antara berbagai angkubah iaitu pandangan penganut ke atas pemujaan dan cara pemujaan, hubungan penganut dengan Tuhan, komunikasi dengan penganut lain selepas memuja serta perasaan penganut semasa memuja. Tinjauan akan dilakukan dari segi perbandingan dalam gereja itu sendiri. Tinjauan dari segi perbandingan antara 3 gereja yang berlainan hanya dilakukan secara tidak langsung sahaja.

A. Gereja MAI

Kelihatan bahawa ada hubungan yang jelas antara sebab kebosanan dengan samada cara pemujaan perlu diubah. Ini bermakna, mereka yang menyatakan bahawa sebab kebosanan adalah kedua-dua hubungan dengan Tuhan yang tidak baik dan cara

pemujaan yang bermasalah, akan berpendapat bahawa cara pemujaan mereka perlu diubah. Hubungan ini dianggap kuat kerana hanya terdapat 1 kes kecualian sahaja di mana penganut ini mengatakan bahawa sebab kebosanan adalah akibat hubungan dengan Tuhan yang tidak baik sahaja tetapi masih anggap cara pemujaan gereja mereka perlu diubah. Hubungan di atas dibuktikan dengan selanjutnya apabila 4 penganut yang menganggap cara pemujaan gereja mereka tidak perlu diubah memilih "hubungan dengan Tuhan yang tidak baik" sebagai sebab kebosanan sahaja. Dengan erti kata lain, mereka yang memilih kedua-dua "hubungan dengan Tuhan" dan "masalah dalam cara pemujaan" sebagai sebab kebosanan, mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan. Ternampaknya permintaan ini tidak dipenuhi yang seterusnya telah mengakibatkan ketidakpuasan mereka ke atas cara pemujaan gereja mereka (ketidakpuasan ditunjukkan melalui pendapat: "cara pemujaan gereja mereka perlu diubah"). Dengan itu, kita boleh mengandaikan bahawa permintaan ke atas cara pemujaan yang tidak dipenuhi merupakan salah satu faktor yang menyebabkan penganut berasa bosan semasa memuja. Andaian-andaian itu pada keseluruhan adalah tepat kecuali pada 3 kes devian iaitu mereka mempunyai permintaan yang tidak dipenuhi tetapi masih tidak pernah berasa bosan semasa memuja. Dengan itu, ternampaknya, masih ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi perasaan penganut semasa memuja iaitu kita mengandaikan bahawa hubungan penganut dengan Tuhan dan komunikasi antara penganut juga memainkan peranan yang penting.

Dalam kertas kerja ini, didapati bahawa **tiada korelasi** yang kuat antara status komunikasi penganut selepas memuja dengan perasaan semasa memuja. Oleh kerana tidak dapat mencari satu corak yang tertentu antara 2 angkubah ini, status komunikasi penganut diabaikan sebagai satu faktor penyebab kebosanan dalam kertas kerja ini.

Secara statistik, dari segi hubungan dengan Tuhan dan kebosanan didapati ada korelasi yang kuat antara mereka. 10 orang yang mempunyai hubungan yang biasa dengan Tuhan, seorang yang mempunyai hubungan yang buruk dan seorang lagi yang mempunyai hubungan yang tidak tentu, kadang-kadang berasa bosan semasa memuja. 2 orang yang mempunyai hubungan yang sangat baik, tidak pernah berasa bosan semasa memuja. Akan tetapi, terdapat 2 orang penganut yang mempunyai hubungan yang sangat baik masih kadang-kadang berasa bosan semasa memuja dan 2 orang yang mempunyai hubungan yang biasa sahaja pula tidak pernah berasa bosan semasa memuja walaupun mereka juga tidak puas dengan cara pemujaan gereja mereka. Bagi 2 orang yang mempunyai hubungan yang sangat baik dengan Tuhan itu, kebosanan mereka mungkin disebabkan oleh permintaan ke atas cara pemujaan yang tidak dipenuhi iaitu mereka mungkin mempunyai permintaan yang kuat ke atas cara pemujaan. Bagi 2 orang yang mempunyai hubungan yang biasa itu, diandaikan ada faktor lain yang masih tidak dapat dikesan dalam kertas kerja ini yang mempengaruhi perasaan mereka semasa memuja.

Bagi 5 orang yang memegang kuat dengan nilai agama bahawa hubungan dengan Tuhan adalah satu-satu sebab kebosanan sahaja,

ada 1 kes devian sahaja. Ini bermakna 4 penganut itu memenuhi andaian di atas iaitu mereka tidak mempunyai permintaan ke atas pemujaan tetapi berasa bosan atas sebab hubungan mereka dengan Tuhan yang tidak baik dan biasa atau sebaliknya. Seorang penganut yang merupakan kes devian itu, menghadapi konflik nilai di mana dia anggap cara pemujaan bukan sebab kebosanan tetapi masih menganggap cara pemujaan gerejanya perlu diubah.

B.Gereja BGH

Keadaan di gereja BGH adalah agak berbeza dengan gereja MAI. Seperti yang telah dibincang dulu, penganut dari gereja ini memegang teguh kepada nilai bahawa "hubungan dengan Tuhan" sahaja adalah akibat kebosanan kecuali 2 kes devian. Dengan itu, bagi 10 penganut itu, mereka sama sekali tidak mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan dan tidak juga berasa tidak puas terhadap cara pemujaan iaitu anggap cara pemujaan gereja mereka tidak perlu diubah. Ini seiras dengan kesimpulan yang didapati dari analisi gereja MAI iaitu penganut yang tidak mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan, tidak akan anggap cara pemujaan gereja mereka perlu diubah. Walau bagaimanapun, bagi 2 penganut yang mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan gereja mereka, juga tidak anggap cara pemujaan gereja mereka perlu diubah. Dari sini kita boleh menyimpul bahawa 2 penganut itu adalah puas hati terhadap cara pemujaan gereja mereka. Oleh yang demikian, kita boleh membuat andaian bahawa perasaan mereka semasa memuja adalah lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor lain daripada permintaan mereka ke atas pemujaan.

Sekali lagi, oleh kerana, tidak boleh diperolehi satu corak tertentu antara status komunikasi penganut selepas memuja dengan perasaan semasa memuja, faktor ini diabaikan sebagai faktor pengaruh. Dari segi hubungan dengan Tuhan, pada keseluruhannya ada korelasi yang sederhana dengan perasaan semasa memuja iaitu 4 penganut yang mempunyai hubungan yang biasa sahaja kadang-kadang berasa bosan semasa memuja dan 3 orang yang mempunyai hubungan yang sangat baik tidak pernah berasa bosan semasa memuja. Dengan itu, terdapat 4 kes devian (seorang tidak memberi jawapan) yang berbeza dari corak keseluruhan ini iaitu 2 orang yang mempunyai hubungan yang biasa sahaja, tidak pernah berasa bosan semasa memuja dan sebaliknya 2 orang lain yang mempunyai hubungan yang sangat baik, kadang-kadang berasa bosan semasa memuja. Keadaan ini mungkin berlaku kerana 2 orang yang menganggap hubungan dengan Tuhan sebagai biasa sahaja sebenarnya mempunyai hubungan yang agak baik walaupun bukan sangat baik. 2 orang penganut yang lain mungkin berasa bosan semasa mereka sakit atau letih. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mengabaikan bahawa ada faktor-faktor lain yang masih tidak diketahui yang mempengaruhi mereka.

C. Gereja BLS

Pada keseluruhannya, kebanyakan penganut ada permintaan ke atas cara pemujaan tetapi mereka puas hati dengan cara pemujaan yang ada. Dari 2 orang yang tiada permintaan, seorang berasa cara pemujaan tidak perlu diubah dan seorang lagi tidak memberi sebarang jawapan. Oleh kerana mereka tidak berasa tidak

puas dengan cara pemujaan mereka, kebosanan tidak mungkin disebabkan oleh permintaan mereka ke atas cara pemujaan.

Seperti gereja yang lain, kita tidak boleh memperolehi satu corak tertentu antara status komunikasi penganut selepas memuja dengan perasaan penganut semasa memuja, maka faktor ini sekali lagi diabaikan. Perhatian ditumpukan kepada hubungan mereka dengan Tuhan. Pada keseluruhannya, korelasi agak sama dengan gereja yang lain iaitu 4 orang yang mempunyai hubungan yang biasa kadang-kadang berasa bosan semasa memuja. 2 orang yang mempunyai hubungan yang sangat baik, tidak pernah berasa bosan semasa memuja. Ini bermakna terdapat 3 kes yang berbeza dari corak keseluruhan.

Bagi 2 orang yang mempunyai hubungan yang biasa dengan Tuhan tetapi tidak pernah berasa bosan, mungkin adalah kerana mereka sudah puas dengan cara pemujaan yang dipraktikkan atau hubungan dengan Tuhan adalah agak baik walaupun bukan sangat baik. Bagi seorang penganut yang mempunyai hubungan yang sangat baik tetapi masih kadang-kadang berasa bosan, mungkin hanya berlaku pada keadaan tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kertas kerja ini.

Secara kesimpulan, penganut gereja MAI boleh dikumpulkan kepada 3 kategori. Pertama, penganut yang mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan tetapi permintaan tidak dipenuhi. Perasaan semasa memuja akan dipengaruhi oleh ketidakpuasan itu dan hubungannya dengan Tuhan. Kedua, adalah kumpulan penganut

yang tiada permintaan ke atas cara permujaan. Oleh itu, faktor mempengaruhi adalah hubungannya dengan Tuhan sahaja. Ketiga, adalah kumpulan penganut yang mempunyai permintaan dan tidak puas terhadap cara pemujaan tetapi masih tidak pernah berasa bosan. Faktor yang mempengaruhi perasaan semasa memuja adalah tidak diketahui. Oleh kerana kumpulan penganut kedua dan ketiga adalah dalam bilangan yang kecil sahaja, kita boleh menyimpulkan bahawa penganut gereja ini lebih berkecenderungan berasa bosan semasa memuja kerana permintaan ke atas cara pemujaan yang tidak dipenuhi dan hubungan penganut dengan Tuhan yang biasa atau tidak baik. Mana faktor yang lebih mempengaruhi bergantung kepada individu tersebut iaitu mana faktor yang dianggap lebih penting baginya. Walau bagaimanapun, masih terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi perasaan penganut semasa memuja yang tidak dikaji dalam kertas kerja ini.

Bagi gereja BGH, terdapat 2 kumpulan penganut. Pertama, adalah penganut yang tiada permintaan ke atas cara pemujaan. Kedua adalah mereka yang mempunyai permintaan tetapi adalah puas. Kedua-dua kumpulan itu dikatakan dipengaruhi oleh faktor hubungannya dengan Tuhan kecuali 4 orang penganut yang mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain atau disebabkan oleh keadaan tertentu.

Bagi gereja BLS, juga boleh dibahagi kepada 2 kumpulan. Pertama, adalah yang tidak mempunyai permintaan ke atas cara pemujaan. Kedua, adalah mereka yang mempunyai permintaan tetapi adalah puas. Kedua-dua kumpulan itu juga dikatakan dipengaruhi oleh hubungannya dengan Tuhan kecuali 3 orang

penganut yang mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain atau atas sebab keadaan tertentu. Walau bagaimanapun, samada perasaan lebih dipengaruhi oleh permintaan yang telah dipuaskan atau hubungannya yang baik dengan Tuhan, tidak diketahui.

4.5.2 Hubungan antara Perasaan Penganut Semasa Memuja dengan Cara Pemujaan yang Berlainan

Berbanding antara cara pemujaan gereja MAI dan gereja BGH, kedua-dua sama-sama mempunyai ciri-ciri: tiada kebebasan untuk menunjukkan perasaan, tiada interaksi antara penganut dan konservatif. Akan tetapi, penganut-penganut dari gereja BGH tidak berasa tidak puas terhadap cara pemujaan gereja mereka. Ini mungkin disebabkan oleh nilai agama: "cara pemujaan bukan sebab kebosanan semasa memuja" adalah sangat kuat jika berbanding dengan gereja MAI. Malahan pula, terdapat perbezaan yang jelas antara cara pemujaan kedua-dua gereja itu iaitu gereja MAI mempunyai sifat formaliti yang lebih kuat berbanding dengan gereja BGH. Tambahan pula, hubungan yang agak tidak rapat antara penganut dengan *pastor* semasa memuja, prosedur yang rigid dan saiz gereja yang besar mungkin akan bersama-sama dengan sifat formaliti cara pemujaan itu menjadi faktor yang menyebabkan penganut dari gereja MAI cendurung menjadi tidak puas terhadap cara pemujaan mereka. Satu lagi aspek yang penting ialah penganut lelaki gereja BGH lebih melibatkan diri secara aktif semasa memuja. Ini mungkin menyebabkan mereka mempunyai *sense of belonging* yang kuat di antara mereka. Walau bagaimanapun, samada

penganut wanita lebih cenderung menjadi bosan *semasa* memuja tidak diketahui.

Berbanding antara gereja MAI dan gereja BLS pula, walaupun penganut dari kedua-dua gereja mempunyai permintaan terhadap cara pemujaan tetapi penganut gereja BLS tidak mempunyai perasaan tidak puas terhadap cara pemujaan. Tambahan pula, dengan ada segelintir penganut dari gereja MAI yang pergi ke gereja Baptist untuk memuja, supaya memenuhi kehendak peribadi, maka disimpulkan bahawa jika tanpa nilai seperti yang dipegang oleh gereja BGH itu, penganut akan berasa lebih puas apabila dapat memuja dengan lebih bebas, terdapat interaksi dengan penganut lain, terdapat interaksi dengan *pastor* dan dapat melibat diri dengan lebih aktif semasa memuja. Mereka juga berkeinginan prosedur cara pemujaan yang lebih *flexible* dan kurang konservatif.

Pendek kata, jika seseorang penganut memegang nilai agama seperti yang dipegang oleh gereja BGH, maka penganut itu mungkin dapat bertoleransi terhadap sifat konservatif dan sifat *routine* sesuatu cara pemujaan tersebut. Tetapi samada mereka boleh bertoleransi terhadap sifat rigid prosedur, sifat formaliti sesuatu upacara adalah tidak diketahui.

4.6 Kesimpulan

Perasaan seseorang penganut semasa memuja dipengaruhi oleh:-

- A. Permintaannya terhadap cara pemujaan.

- B. Kepuasannya terhadap cara pemujaan.
- C. Hubungannya dengan Tuhan.
- D. Cara pemujaan itu sendiri.
- E. Faktor-faktor lain yang tidak diketahui.

Dari kelima-lima faktor ini, yang mana merupakan faktor utama tidak boleh disimpulkan secara tergesas-gesa kerana saiz sampel yang agak kecil. Malahan pula, bagaimana kelima-lima faktor itu mempengaruhi pengikut bergantung kepada perseorangan yang mempunyai sifatnya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, apakah hubungan kelima-lima faktor ini dengan alam sosial yang berubah dan struktur organisasi sesbuah gereja akan ditinjau dalam bab 5 di mana perbincangan akan dilakukan dalam konteks yang lebih luas.

BAB 5 PENINJAUAN DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS

5.1 Pengenalan

Dari bab-bab yang lalu, kita telah membincang tentang berbagai bentuk organisasi dan cara pemujaan yang berlainan. Lebih-lebih lagi, dalam bab 4, telah meninjau tentang perasaan dan pandangan penganut terhadap berbagai cara pemujaan yang berlainan dan korelasinya dengan nilai-nilai yang dipegang oleh penganut-penganut serta dengan hubungan penganut dengan Tuhan. Kesemua tinjauan ini adalah penting supaya kita dapat mengesan darjat pengaruh struktur organisasi yang diinstitusikan, keadaan sosial dan nilai masyarakat yang berubah ke atas penganut Kristian serta arah perkembangan gereja dalam dunia moden. Selain daripada faktor-faktor yang dibentangkan di bab 4 yang mempengaruhi penganut, di sini akan cuba memaparkan 3 faktor dalam konteks yang lebih luas dan 1 faktor sampingan yang mempengaruhi penganut secara keseluruhan iaitu tidak kira denominasi gereja mereka. Walau bagaimanapun, darjat pengaruh adalah berbeza antara gereja yang berlainan.

5.2 Faktor-faktor Pengaruh dalam Konteks yang Lebih Luas

5.2.1 Struktur Organisasi Gereja

Meneliti dari sejarah perkembangan gereja Protestant, kita mendapati bahawa gereja telah bergerak ke arah struktur organisasi

yang berbentuk penginstitusian, walaupun mereka mengelakkannya pada mulanya. Tiga gereja yang di bawah kajian merupakan gereja yang mempunyai struktur organisasi yang bersifat institusi. Walaupun mereka mempunyai struktur organisasi yang agak berlainan, tetapi mereka masih ada sifat-sifat institusi yang general seperti mempunyai suatu objektif tertentu, nilai tertentu, polisi dan peraturan yang sepatutnya diikuti oleh ahlinya, pembahagian tenaga buruh dan perasaan kolektif dan moral di antara ahlinya.²⁹ Tambahan pula, tujuan utama gereja yang mempunyai sifat institusi ini adalah menghasilkan *conformity* antara penganutnya di mana ada aktiviti-aktiviti yang dibina supaya mencapai tujuan ini. Darjah penginstitusian ini akan berkembang apabila gereja itu berkembang dari segi saiznya atau atas sebab-sebab lain di mana mereka akan mendapati bahawa struktur organisasi yang berbentuk birokratik dan formal mempunyai keberkesanan yang lebih dalam mencapai tujuan yang ditetapkan. Keadaan seperti ini telah berlaku kepada gereja MAI di mana hubungan formal lebih dipentingkan daripada hubungan informal. Perkembangan ini telah mempengaruhi cara mereka mengendalikan upacara pemujaan kolektif mereka yang lebih menekankan sifat formaliti dan keperaturan. Apabila hubungan informal diabaikan, perasaan *intimacy* antara ahli dan antara ahli dengan pemimpin gereja akan berkurang. Dari kajian soal selidik, didapati 12 orang menghadapi masalah komunikasi selepas memuja (8 daripada mereka kadang-kadang sahaja). Masalah yang terbesar dihadapi oleh mereka adalah terdapat jurang antara penganut-penganut yang mana faktor utama bukanlah umur (7 penganut menghadapi masalah ini). Ini secara langsung,

menyebabkan darjat penerimaan penganut terhadap nilai-nilai yang dimanifestasikan oleh gereja juga dikurangkan. Setengah penganut mungkin akan pergi ke gereja lain yang biasanya gereja bersaiz kecil di mana hubungan informal amat dipentingkan. Ini menghasilkan sekumpulan penganut yang mempunyai *double identity* di mana mereka merupakan peserta dalam kedua-dua gereja tersebut.

Keadaan akan menjadi genting apabila sifat formaliti yang terlalu ditekan mengakibatkan makna sebenar agama dilupai, contohnya makna sebenar "pemujaan". Dengan itu, upacara pemujaan bukanlah satu *means* lagi tetapi sebagai *end*. Ini bermakna cara pemujaan bukan sebagai alat untuk mencapai tujuan menghubungkan penganut dengan Tuhan tetapi sebagai tujuan itu sendiri. Oleh itu, upacara itu yang pada suatu ketika dulu menyatukan semua ahlinya akan memecahkan perpaduan ini pula.

Jelas kelihatan bahawa, gereja BGH mempunyai cara yang tersendiri untuk menghadapi masalah yang dibangkitkan oleh sifat penginstitusian yang semakin berkembang. Mereka cuba mengelakkan struktur organisasi yang berhirarki, supaya hubungan antara pemimpin dan ahli biasa tidak menjadi terlalu formal (Dari keputusan soal selidik, 6 orang yang menghadapi masalah komunikasi, faktor utama masalah mereka adalah jurang umur). Upacara pemujaan mereka juga menekan penglibatan aktif yang memupuk perasaan *belonging*. Nilai juga sentiasa ditekan dengan tegas supaya makna sebenar pemujaan tidak diabaikan. Dengan itu, mereka mengadakan upacara yang simpel di mana nilai-nilai tersebut sentiasa diingati iaitu penganut dikehendaki berhubung dengan Tuhan melalui *spirit*.

Bagi gereja BLS, sifat formalitinya tidak kuat kerana ia bersaiz kecil dan masih berkembang. Hubungan informal amat dipentingkan dan senang dijalini kerana saiznya yang kecil. Oleh yang demikian, hubungan antara ahli dan antara ahli dengan pemimpin adalah lebih mesra (Dari kajian soal selidik, 6 orang yang menghadapi masalah komunikasi selepas memuja, faktor utama masalah mereka adalah *circumstancial* iaitu keadaan terpaksa seperti tiada masa, terpaksa membersihkan gereja dan lain-lain). Lebih-lebih lagi, mereka juga mengadaptasikan suatu upacara pemujaan yang tidak formal. Tanpa sifat formaliti yang kuat, penganut-penganut adalah lebih *committed* dengan gereja mereka.

Oleh kerana perbezaan-perbezaan di atas berbanding antara 3 gereja, tidak hairanlah penganut dari gereja MAI berkeinginan perubahan dari segi cara pemujaan mereka sementara yang lain tidak.

5.2.2 Keadaan Sosial yang Berubah

Akibat proses pengindustrian, keadaan sosial dan keperluan masyarakat moden semakin mengalami perubahan. Keadaan ini berlaku dengan ketara di Malaysia di mana bidang pengindustrian semakin dipentingkan. Dengan itu, kehidupan masyarakat telah semakin menjadi *routine* dan pengasingan (*alienation*) dirasai. Dengan hubungan antara ahli masyarakat yang menjadi semakin tidak personal, telah diandaikan bahawa penganut-penganut akan mempunyai keperluan untuk mengadakan hubungan personal dan menjangka bahawa keperluan ini boleh diperolehi dalam gereja. Ini adalah kerana penekanan nilai agama mereka terhadap kasih sayang

antara umat manusia.³⁰ Ini mungkin adalah salah satu sebabnya mengapa interaksi antara penganut dan antara penganut dengan *pastor* dipentingkan oleh segelintir penganut dalam pemujaan mereka (13 dan 11 dari 22 orang yang menganggap cara pemujaan juga adalah penyebab kebosanan, memilih "tiada interaksi antara penganut" dan "tiada interaksi antara penganut dan pastor" sebagai masalah cara pemujaan masing-masing). Keadaan ini lebih ketara berlaku antara penganut gereja MAI, mungkin atas sebab mereka mempunyai hubungan yang lebih formal antara mereka dan terutama dengan pemimpin mereka. Mereka mungkin mengalami konflik nilai agama kerana jangkaan terhadap gereja mereka tidak sama dengan keadaan sebenar. Ini mungkin adalah salah satu sebab mengapa mereka berasa tidak puas terhadap cara pemujaan mereka yang juga tidak mementingkan interaksi tidak formal. Ketidakpuasan itu menjadi ketara apabila mereka dapat membandingkan cara pemujaan gereja mereka dengan gereja lain yang lebih menepati jangkaan mereka itu.

Diandaikan bahawa, akibat kehidupan yang semakin *routine*, penganut-penganut cenderung mencari cara pemujaan yang lebih *flexible*. Ini terbukti dengan 13 penganut dari 22 orang yang menganggap cara pemujaan juga adalah penyebab kebosanan, memilih "terlalu routine" sebagai masalah cara pemujaan. Sekali lagi, ternampaknya penganut gereja MAI berkecenderungan mempunyai pandangan ini dengan lebih kuat berbanding dengan gereja BGH yang mempunyai upacara pemujaan yang paling *routine*. Penganut gereja BGH tidak terganggu dengan sifat *routine* cara pemujaan mereka mungkin atas sebab penekanan yang tegas ke atas nilai

agama yang telah dibincangkan dulu. Mereka mempunyai permintaan yang tegas ke atas penganut itu sendiri dan bukan ke atas cara pemujaan. Nilai boleh diserap dengan berjaya oleh penganut-penganut kerana hubungan informal dipentingkan dan dijalini dengan baik.

Walau bagaimanapun, sifat *routine* dalam darjah tertentu merupakan satu ciri biasa bagi semua upacara kerana hanya melalui sifat ini upacara boleh dijalankan dengan berkesan. Oleh itu, sifat *routine* dalam cara pemujaan atau mana-mana aktiviti masih boleh diterima sekira makna sebenar aktiviti tidak dilupai.

Pendek kata, keadaan sosial mempunyai pengaruh ke atas penganut iaitu dapat dilihat dari segi permintaan penganut terhadap cara pemujaan yang tidak *routine* dan lebih interaksi. Tetapi pengaruhnya adalah berbeza mengikut alam gereja dan individu yang berlainan.

5.2.3 Perubahan Nilai-nilai Masyarakat

Dengan sistem politik demokrasi yang mementingkan ciri-ciri kebebasan di Malaysia, kebebasan telah menjadi satu hak hidup yang sepatutnya dimiliki oleh semua manusia. Secara tidak langsung, pemikiran ini mempengaruhi penganut-penganut dari segi mencari kebebasan terutama dalam aspek kebebasan memberi pendapat dan perluahan perasaan mereka. Ini terbukti di mana dari 22 orang yang memilih cara pemujaan sebagai penyebab kebosanan, 10 orang menganggap bahawa tiada kebebasan untuk meluahkan perasaan mereka semasa memuja adalah salah satu masalah cara

pemujaan. Walau bagaimanapun, pengaruh ini adalah lebih ketara antara penganut gereja MAI di mana 9 orang dari 19 orang yang terlibat dalam kajian, mempunyai pendapat sedemikian. Sementara itu, hanya seorang dari BLS yang berpandangan sedemikian dan tiada dari gereja BGH yang memilih jawapan ini. Keadaan ini terjadi, mungkin kerana penganut gereja BGH mempunyai pandangan yang kuat tentang cara pemujaan mesti mengikuti suruhan Tuhan iaitu menurut Kitab Injil dan yang lebih penting lagi, mereka amat mengutamakan pemujaan secara *spiritual* dan bukan secara emosi. Untuk mencapai matlamat ini, memuja dengan cara berfikir dengan mendiam diri telah dipraktikkan. Sementara itu, bagi penganut gereja MAI, pandangan ini tidak ditekan dengan tegas walaupun mereka juga anggap memuja secara *spiritual* adalah penting. Bagi penganut gereja BLS, ternampaknya cara pemujaan mereka sudah mempunyai sifat kebebasan. Dengan itu, tidaklah menonjol bagi mereka bahawa tiada kebebasan adalah masalah cara pemujaan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan sama sekali bahawa penganut gereja BGH tidak mencari kebebasan dalam aspek agama yang lain, akan tetapi aspek ini tidak berada dalam skop kajian kertas kerja ini sahaja.

Satu lagi aspek perubahan keadan sosial ialah pemisahan agama dari institusi-institusi lain. Ini telah menghasilkan nilai sosial baru yang mungkin berkontradiksi dengan nilai agama. Keadaan ini akan menyebabkan nilai agama tidak dapat diserap oleh penganut dengan sepenuhnya dan konflik antara nilai agama dan nilai aspek bukan agama akan terjadi. Ini bermakna setengah nilai agama yang

amat dipegang dengan rigid oleh penganut dulu mungkin menjadi semakin longgar.

Dalam soal selidik yang dijalankan, didapati bahawa ada konflik nilai yang berlaku antara penganut dengan paderi. Antara penganut-penganut juga, pandangan tentang samada suatu cara pemujaan boleh diubah atau tidak, adalah tidak seiras (merujuk ke bab 4). Antara penganut dengan *pastor* bagi gereja BGH, walaupun semasa temubual, *pastor* telah menegas bahawa cara pemujaan tidak boleh diubah, tetapi penganut berpendapat bahawa cara pemujaan boleh diubah selagi ia tidak menyeleweng dari Kitab Injil. Ini terbukti bahawa, nilai agama yang dimanifestasi oleh pemimpin gereja kepada penganut mereka tidak diterima sebulat-bulatnya. Ini mungkin berlaku kerana institusi pendidikan yang semakin menekan sifat skeptikal sebagai sikap belajar. Penganut muda kini tidak lagi menerima suatu nilai tanpa mempertimbangkannya dahulu.

Tambahan pula, tekanan nilai masyarakat kini ke atas pengejaran material mempunyai kesan yang besar ke atas penganut. Ini mungkin adalah salah satu sebab mengapa penganut tidak dapat menangkap makna *spiritual* sesuatu cara pemujaan tetapi hanya dapat melihat makna materialnya. Apabila ini berlaku, pemujaan akan menjadi suatu prosedur dan bukan pemujaan dengan makna yang sebenarnya lagi.

Pendek kata, nilai masyarakat moden seperti kebebasan, skeptisme, materialisme mempunyai impak ke atas penganut. Jika gereja tidak dapat membekalkan satu set nilai yang dapat diterima oleh penganut dan jika makna *spiritual* sesuatu aktiviti diabaikan,

penganut akan cenderung menyeleweng dari nilai agama tersebut. Ini diandaikan sebagai salah satu kesan yang menyebabkan penganut berasa bosan semasa memuja.

5.2.4 Pengaruh Sampingan- Gerakan Pentecostal

Gerakan Pentecostal bermula pada abad 19 di Amerika Syarikat.³¹ Mereka memegang pandangan yang kuat tentang seseorang penganut mesti mengalami *baptism in the Holy Spirit* iaitu dipenuhi oleh *Holy Spirit* di mana mereka dapat *speak in tongue* (bertutur dalam bahasa yang berlainan yang tidak dapat difahami).³² Dengan itu, pemujaan mereka adalah bersifat emosi, penuh dengan perluahan perasaan iaitu seperti yang dialami oleh 12 pengikut Yesus Kritis di Jerusalem pada hari Pentecost.³³ Gerakan ini merebak ke Malaysia pada 1930an dan telah berkembang dengan pesat. Menurut statistik, antara tahun 1960-1985, gereja yang bersifat *evangelical* (termasuk gereja Pentecostal) berkembang dari segi keahliannya melebihi sebanyak 1.37% berbanding dengan gereja Protestant.³⁴ Dalam kumpulan *evangelical* itu sendiri, gereja Pentecostal berkembang dengan lebih pesat dari segi keahlian berbanding dengan gereja *evangelical* yang lain iaitu dari 20.4%-77.4% antara tahun 1960-1985 (75% dari populasi total kumpulan *evangelical*).³⁵

Dari statistik di atas, sudah jelas kelihatan bahawa gerakan Pentecostal mempunyai impak yang besar ke atas penganut dari gereja Protestant. Dengan sistem komunikasi moden, penganut dari gereja Protestant dapat membandingkan cara pemujaan dan aktiviti-aktiviti lain antara 2 jenis gereja itu. Tanpa nilai agama yang kuat,

mereka akan senang dipengaruhi oleh gerakan tersebut kerana mereka lebih bebas meluahkan perasaan mereka semasa memuja, terwujud "interaksi" dengan Tuhan yang dapat dilihat oleh mata kasar (*speak in tongue, healing, menangis*) dan cara pemujaan yang *flexible* serta tidak *routine*. Semua ini lebih senang diterima oleh masyarakat moden yang mementingkan bukti empirikal dan yang hidup dalam keadaan yang penuh dengan tekanan dan keresahan.

5.3 Rumusan

Dari perbincangan di atas, kita mendapati bahawa struktur organisasi gereja merupakan faktor yang terpenting yang mempengaruhi seseorang penganut. Dari perbandingan 3 gereja yang dilakukan, didapati bahawa pengaruh keadaan sosial dan kemunculan nilai-nilai sosial baru ke atas penganut adalah tidak sama antara 3 gereja tersebut. Secara tidak langsung, ini bermakna gereja memain peranan yang penting dalam menentukan sejauh mana dan bagaimana pengaruh keadaan sosial ke atas penganutnya. Dengan lain perkataan, kesan alam sosial itu ke atas penganut wujud tetapi berbeza dari segi darjah (kuat atau lemah) mengikut gereja yang berlainan dan penganut yang berlainan. Oleh yang demikian, gereja memang tidak boleh terpisah dari masyarakat keseluruhan dengan memegang nilai yang tidak berkait langsung dengan masyarakatnya. Dalam dunia moden ini, setengah gereja mungkin terpaksa mengorganisasi semula supaya lebih sensitif terhadap keperluan dan perubahan masyarakat keseluruhan. Walau

bagaimanapun, ini tidak bermakna erti *Christianity* telah berubah tetapi hanya memperkayakan maknanya sahaja.

5.4 Kesimpulan Keseluruhan

Secara kesimpulan, terdapat 3 faktor utama yang mempengaruhi penganut Kristian iaitu alam sosial, institusi gereja dan penganut itu sendiri. Jika institusi gereja dapat menanam nilai agama ke dalam sanubari penganut dan dipegang kuat oleh mereka, pengaruh alam sosial yang bertentangan dengan nilai adalah kurang. Walaupun pengaruh kolektif adalah penting, penganut masih merupakan individu yang mempunyai sifat psikologinya yang tersendiri. Penganut mungkin masih menyeleweng dari nilai agama walaupun kebanyakkan penganut dari gereja yang sama menerima. Ini terpulanglah kepada penganut itu sendiri untuk menilaikan apa yang dianggap sebagai penting olehnya dan bagaimana dia membina hubungannya dengan Tuhan. Walau bagaimanapun, perlu ditekan di sini sekali lagi bahawa faktor yang dibentang tadi adalah dibina di atas satu rangka teori yang mudah sahaja. Ini bererti, ia tidak dapat menjelaskan dengan memuaskan keadaan masyarakat sebenar yang kompleks

NOTA HUJUNG

- 1 Anon., 1975. The New Encyclopaedia Britannica. Macropaedia, Vol. 4. USA: Helen Hemingway Berton Publisher, m.s. 459.
- 2 Ibid., m.s. 459.
- 3 Chan Kok Eng. 1992. "A Brief Note on Church Growth in Malaysia, 1960-1985" dalam Christianity in Malaysia: A Denominational History. Robert Hunt et al., eds. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd., m.s. 360.
- 4 David O. Moberg. 1962. The Church as a Social Institution, The Sociology of America Religion. USA: Prentice Hall, Inc., m.s. 16-17.
- 5 *Holy Spirit* merupakan ahli ketiga dalam *Trinity* (Tuhan, Yesus Kristus, *Holy Spirit*). Ia dipercayai menjaminkan penerusan gereja dengan membantunya mengadaptasi terhadap keperluan yang berbeza mengikut pengedaran masa.
- 6 Risalah oleh Ung Kim Cheng, "Our Rich Heritage".
- 7 Rujuk ke Bab 3 m.s. 33.
- 8 Rujuk ke Bab 2 m.s. 17.
- 9 Rujuk ke Bab 2 m.s. 19.

10 op. cit., Ung.

11 Merupakan upacara suci yang mengakui seseorang sebagai ahli gereja Kristian secara rasmi dengan mengguna air.

12 Hwa Yung & Robert Hunt. 1992. "The Methodist Church" dalam Christianity in Malaysia: A Denominational History. Robert Hunt et al., eds. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd., m.s. 142.

13 Caroline Large. 1981. The Three Great Semitic Religions. Singapore: Times Books International, m.s. 28.

14 Ibid., m.s. 28.

15 op. cit., Hwa. m.s. 151.

16 Chiang Choa Jin. ed. 1986. Ayer Itam Chinese Methodist Church, 25th. Anniversary, 1960-1985. Pulau Pinang: Ayer Itam Chinese Methodist Church, m.s. 7.

17 Ibid., m.s. 7-8.

18 op. cit., Hwa. m.s. 196.

- 19 Wei Yuan Siao, ed. 1991. Baptist Handbook, P.J.; Malaysia Baptist Convention, m.s. 42.
- 20 Ibid., m.s. 42.
- 21 Ibid., m.s. 44.
- 22 Ibid., m.s. 60-63.
- 23 Anon., 1975. The New Encyclopaedia Britannica. Micropaedia, Vol. X. USA: Helen Hemingway Berton Publisher, m.s. 756.
- 24 Anon., 1975. The New Encyclopaedia Britannica. Macropaedia, Vol. 19. USA: Helen Hemingway Berton Publisher, m.s. 1014.
- 25 Rujuk Holy Bible, The New Testament. Mark 14:22-26.
- 26 op. cit., Macropaedia, Vol. 4. m.s. 495.
- 27 A.T. Hanson & R.P.C. Hanson. 1980. Reasonable Belief: A Survey of the Christian Faith. U.K.: Oxford University Press, m.s. 232.
- 28 op. cit., Large, m.s. 67.
- 29 op. cit., Moberg, m.s. 118.

30 Rujuk Holy Bible, The New Testament. 1 John 4: 7-9.

31 Anon., 1975. The New Encyclopaedia Britannica, Macropaedia, Vol. 14. USA: Helen Hemingway Berton Publisher. m.s. 30.

32 Ibid., m.s. 30.

33 Rujuk Holy Bible, The New Testament Act 1:12- 2:24.

34 op. cit., Chan. m.s. 364.

35 op. cit., Chan. m.s. 370.

BIBLIOGRAFI

Casanova, Jose

1992. Private & Public Religion. Social Research 59(1): 17-57.

Cheah, David

1992. Ritual: Communication in Action. Sociological Analysis 53(4): 363-371.

Chiang, Choa Jin (ed.)

1986. Ayer Itam Chinese Methodist Church 25th Anniversary 1960-1985. Pulau Pinang: Ayer Itam Chinese Methodist Church.

Giorgi, Liana

1992. Religious Involvement in a Secularized Society: An Empirical Confirmation of Martin's General Theory of Secularization. The British Journal of Sociology 43(4): 639-656.

Hallahm, Benjamin Beit

1991. Religion & Identity: Concepts, Data, Questions. Social Science Information 30:31-95.

Hanson, A.T. & R.P.C. Hanson

1980. Reasonable Belief: A Survey of the Christian Faith. U.K.: Oxford Univ. Press.

Hunt, Robert et al., (eds.)

1992. Christianity in Malaysia: A Denominational History. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn., Bhd.

Kong, Lily

1992. The Scared and the Secular: Exploring Contemporary Meanings and Values for Religious Building in Singapore. A Southeast Asia Journal of Social Science 20(1): 18-41.

Large, Caroline

1981. The Three Great Semitic Religions. Singapore: Times Book International.

Lee, Raymond

1993. The Globalization of Religious Markets: International Innovations Malaysian Comsumption. Sojourn 8(1):34-57.

Lee, Richard

1992. Religious Practice as Social Exchange: An Explanation of the Empirical Findings. Sociological Analysis 53(4): 1-29.

Meagher, Paul K. et al., (eds.)

1979. Encyclopedic Dictionary of Religion Vol. A-E. USA: The Sisters of St. Joseph of Philadelphia Corpus Publication.

Miller, Allan S.

1992. Predicting Nonconventional Religious Affiliation in Tokyo: A Control Theory Application. Social Force 71(2): 397-409.

Moberg, David O.

1962. The Church as a Social Institution, The Sociology of America Religion. USA: Prentice Hall, Inc..

Roxborogh, John

1986. Short Introduction to Malaysian Church History. K.L.: Seminar Theologi Malaysia & The Catholic Research Centre.

Smith, Carl T.

1985. Chinese Christian Elites, Middleman & The Church in Hong Kong. n.p.: Oxford Univ. Press.

Tole, Lise Ann

1993. Durkheim in Religion and Moral Community in Modernity. Sociological Inquiry 63(1):1-27.

Ung, Kim Cheng

n.d. Risalah "Our Rich Heritage".

Wei, Yuan Siao

1991. Baptist Handbook. P.J.: Malaysia Baptist Convention.

Wong, James Y.K.

1973. Singapore, The Church in the Midst of Social Change. Singapore:
Church Growth Study Centre.

Wu, Elisha (ed.)

1989. Five Great World Religions. Hong Kong: Christian Literature
Service.

Ziolkowski, Janusz

1988. Religion in an Authoritarian System: Challenge and Response..
The Polish Sociological Bulletin 82(2):35-51.

Anon.

1975. The New Encyclopaedia Britannica. Macropaedia, Vol.
3,4,12,14,19. USA: Helen Hemingway Berton Publisher.

Anon.

1975. The New Encyclopaedia Britannica. Micropaedia, Vol. I,X. USA:
Helen Hemingway Berton Publisher.